



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DAKWAH DALAM LIRIK PUISI ENDOI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NOOR SARAH BINTI ABU KASSIM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DAKWAH DALAM LIRIK PUISI ENDOI

NOOR SARAH BINTI ABU KASSIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan redha-Nya tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof Madya Dr. Norazimah bt Zakaria selaku penyelia utama dan Prof Madya Dr. Abdul Halim bin Ali selaku penyelia kedua dalam membimbing tanpa jemu, membantu tanpa ragu sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Bimbingan serta tunjuk ajar mereka serta berkat kesabaran dalam berkongsi ilmu dan idea sangat saya hargai. Semoga Allah kurniakan ganjaran yang terbaik buat kalian.

Penghargaan ini juga saya tujukan khas buat suami tercinta Kamarul Maizan bin Ismail yang sentiasa memberi semangat dan dorongan. Jutaan terima kasih buat ibu yang sangat saya kasihi Hjh Norizam bt Ramli yang sentiasa merestui dan mendoakan yang terbaik buat diri ini. Dedikasi ini juga khas buat arwah ayahanda yang sentiasa dalam ingatan, yang sentiasa menegur ketika saya terleka. Segala semangatmu akan ku kenang hingga hujung nyawa.

Tidak lupa buat adik beradik serta sahabat dunia akhirat saya Hamidah Basyir Ahmad serta sahabat-sahabat yang sentiasa memberikan kata-kata semangat. Semoga semangat itu kembali kepada kalian juga hendaknya. Buat anak-anakku yang tersayang Qaisara Syaura, Qeyzar Syirazie dan Qayyim Syarafie, semoga kejayaan ibu mu pada hari ini menjadi pemangkin kejayaan kalian pada masa akan datang.

Akhir kalam, terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang tesis ini dijalankan. Semoga jasa kalian mendapat ganjaran dari Allah SWT.

NOOR SARAH BT ABU KASSIM

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Sultan Idris
Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan.





ABSTRAK

Kajian ini merupakan sebuah kajian berbentuk kualitatif yang bertujuan untuk mencapai tiga objektif utama iaitu menjelaskan kedudukan puisi Endoi sebagai wahana dalam menyampaikan dakwah, menghuraikan kedudukan lirik puisi Endoi berdasarkan tiga perspektif iaitu akidah, syariah dan akhlak dan menganalisis keindahan mesej dakwah dalam lirik Puisi Endoi. Kajian ini menggunakan pendekatan Dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu, Konsep Dakwah Yusuf al-Qardhawi dan Konsep Keindahan menurut Ibnu Khaldun. Kajian ini berjaya menemukan sebanyak 26 buah rangkap yang dikelompokkan kepada tiga perspektif dakwah. Sebanyak 14 buah rangkap di bawah perspektif akidah, 4 buah rangkap di bawah perspektif syariah dan 8 buah rangkap di bawah perspektif akhlak. Penemuan kajian ini sangat bertepatan dengan dua paksi kepercayaan yang wajib diketahui umat Islam iaitu berlandaskan kepada Rukun Iman dan Rukun Islam. Berdasarkan dapatan kajian ini, penggabungan Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Dakwah, Konsep Dakwah Menurut Yusuf al-Qardhawi dan Konsep Keindahan menurut Ibnu Khaldun telah terbukti menjadi kerangka analisis yang menemui mesej-mesej dakwah yang terdapat dalam lirik puisi Endoi yang dikaji. Kerangka ini dicadangkan dapat diperkembangkan dan diperluaskan bagi tujuan mengkaji bukan sahaja bahan puisi malah boleh diperkembangkan dalam genre-genre yang lain. Malah, kajian yang berkaitan puisi Endoi juga boleh diperluaskan dalam bentuk perbandingan. Implikasi kajian menunjukkan betapa perlunya orang Melayu memelihara dan menghayati kembali puisi-puisi tradisional dalam masyarakat Melayu yang telah mereka warisi kerana puisi tradisional merupakan cerminan jati diri bangsa Melayu seterusnya dapat mengekalkan tradisi ini dan menjadi salah satu kebanggaan warisan masyarakat Melayu.





DAKWAH IN ENDOI RHYME LYRICS

ABSTRACT

This study is a qualitative type of study for the purpose of achieving three main objectives which is, to explain the ranking or the level of the lullaby poetry that was used as a tool to deliver preaching's, to elaborate the stages of endoi poetry lyrics according to beliefs (*aqidah*), sharia (*syariah*) and morals (*akhlak*) respectively, and to analyze the beauty of the messages found in the lyrics of the endoi poetry lyrics. The study uses preaching as an approach in Malay Methodical Theory (Teori Pengkaedahan Melayu), Yusuf al-Qardhawi Preaching Concept, and The Magnificent Concept according to Ibnu Khaldun. This research has successfully brought out the findings of 26 stanzas' which can be divided into three preaching perspective's such as 14 stanza of belief's perspective, 4 stanzas under sharia perspective, and 8 stanzas under moral perspective. These findings are deeply coinciding with two axis of beliefs that being a must to know and aware by each and every Muslim which is, the *Rukun Iman* and the *Rukun Islam*. Based on the findings of this study, the combination of Malay Methodical Theory through Preaching Approach, Preaching Concept by Yusuf al-Qardhawi and Preaching Concept by Ibnu Khaldun was proven to be the analysis framework that able to bring out the preaching messages in the lyrics of the studied endoi poetry. This framework should be suggested to be enhanced and expanded for the use of studying such kind of the poetry and for the other genres as well. At the same time, the study on the related endoi poetry lyrics should be widen in the form of comparison. This research implied that Malay people should recover and indulge traditional poetry, which has been inherited amongst themselves from ancestor's and because of its unique ability to showcase the pure born Malay identity. More so, it enables to maintain this tradition and becomes remarkable as the heritage of the Malays.



ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

ABSTRACT v

ISI KANDUNGAN vi

SENARAI JADUAL xii

SENARAI RAJAH xiii

SENARAI SINGKATAN xiv

BAB 1 PENDAHULUAN 1

1.1 Pengenalan 1

1.1.1 Puisi Melayu Tradisional 3

1.1.2 Puisi Endoi 4

1.1.3 Adat Menyambut Kelahiran Bayi Menurut Islam 24

1.1.4 Kepentingan Adat Dalam Masyarakat Melayu 31

1.1.5 Konsep Dakwah 35

1.1.5.1 Hala Tuju Dakwah 36

1.1.5.2	Kepentingan Dakwah	37
1.1.5.3	Metodologi Dakwah	38
1.1.5.4	Jenis-Jenis Dakwah	39
1.1.5.5	Pendekatan Dalam Dakwah	40
1.1.6	Dakwah Dalam Puisi	42
1.1.7	Peranan Puisi Dalam Membentuk Masyarakat Berilmu dan Beramal Dengan Ajaran Islam	48
1.2	Latar Belakang Kajian	50
1.3	Permasalahan Kajian	53
1.4	Objektif Kajian	55
1.5	Soalan Kajian	55
1.6	Kepentingan Kajian	56
1.7	Batasan Kajian	58
1.8	Definisi Operasional	59
1.8.1	Pengertian Dakwah	59
1.8.2	Endoi	62
1.8.3	Keindahan	64
<u>1.9</u>	Kesimpulan	67
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	69

2.1	Pengenalan	69
2.2	Kajian Dakwah	69
2.3	Kajian Endoi	72
2.4	Kajian Teori Pengkaedahan Melayu	74
2.5	Kesimpulan	85

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 87

3.1	Pengenalan	87
3.2	Reka Bentuk Kajian	88
3.3	Kerangka Kajian	89
3.4	Data Kajian	89
3.5	Instrumen Kajian	90
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	90
3.7	Analisis Data	91
3.8	Teori Pengkaedahan Melayu	91
3.9	Konsep Dakwah Menurut Pandangan Yusuf al-Qardhawi	103
3.10	Justifikasi Gabungan Prinsip Pendekatan Dakwah Dalam Teori Pengkaedahan Melayu dan Konsep Dakwah Yusof Qardhawi	104
3.11	Konsep Keindahan Ibnu Khaldun	108
3.12	Kesimpulan	110



BAB 4	ANALISIS DAN PERBINCANGAN KAJIAN	111
4.1	Pengenalan	111
4.2	Puisi Endoi Puisi Dakwah	112
4.2.1	Kandungan Dakwah	112
4.2.1.1	Sumber Rujukan	114
4.2.1.2	Cara Pendekatan (Metode Dakwah)	142
4.2.1.3	Gaya Persembahan	148
4.3	Dakwah Dalam Lirik Puisi Endoi Berdasarkan Gabungan Teori Pengkaedahan Melayu, Konsep Dakwah Yusuf al-Qardhawi dan Konsep Keindahan Ibnu Khaldun	150
4.3.1	Penyampaian Dakwah Dari Perspektif Akidah	152
4.3.1.1	Doa	153
4.3.1.2	Kepercayaan Kepada Tuhan	158
4.3.1.3	Meyakini Kewujudan Nabi	161
4.3.1.4	Meyakini Kemuliaan Nabi	164
4.3.1.5	Memahami Sirah Sebagai Pengukuh Akidah (ahli bayt)	166
4.3.1.6	Kelahiran dan Keputeraan Nabi Muhammad SAW	171
4.3.1.7	Mempercayai Al-Quran sebagai kitab Allah.	172
4.3.1.8	Mempercayai Kewujudan Malaikat	175



4.3.1.9	Menunaikan rukun haji	176
4.3.1.10	Kemuliaan Hari Jumaat	178
4.3.1.11	Asal Usul Kejadian Manusia	179
4.3.1.12	Kepercayaan Arah Kiblat Dalam Islam	183
4.3.1.13	Asmaul Husna (Nama-Nama Allah Yang Terindah)	184
4.3.1.14	Pembudayaan Berzikir	190
4.3.2	Penyampaian Dakwah Dari Perspektif Syariah Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu dan Konsep Dakwah Yusuf al-Qardhawi	193
4.3.2.1	Kewajipan Menunaikan solat	193
4.3.2.2	Kewajipan Berpuasa	198
4.3.2.3	Kewajipan menuntut ilmu	200
4.3.2.4	Perkahwinan Pertama Dalam Islam	207
4.3.3	Penyampaian Dakwah Dari Perspektif Akhlak Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu dan Konsep Dakwah Yusuf al-Qardhawi	210
4.3.3.1	Menghormati ibu bapa	210
4.3.3.2	Larangan Menderhaka Kepada Kedua Ibu Bapa	212
4.3.3.3	Berkasih Sayang	214
4.3.3.4	Amar Makruf Nahi Mungkar	217

4.3.3.5	Mendoakan kesejahteraan Sesama Insan	219
4.3.3.6	Merendah diri	222
4.3.3.7	Bersyukur	223
4.3.3.8	Pengorbanan Ibu	225
4.4	Keindahan Dakwah Dalam Lirik Puisi Endoi Berdasarkan Konsep Ibnu Khaldun	230
4.4.1	Keindahan Dari Sudut Bahasa	231
4.4.2	Keindahan Dari Sudut Makna	237
4.4.3	Keindahan Dari Sudut Teknik	241
4.5	Kesimpulan	244

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	246
5.2	Dapatan Kajian	246
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	249
5.3.1	Pencapaian Objektif Kajian	249
5.4	Implikasi Kajian	252

RUJUKAN	258
---------	-----

LAMPIRAN	269
----------	-----



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Penggolongan Genre	8
4.1	Pembahagian Mesej Dakwah Menurut Yusuf al-Qardhawi	115
4.2	Kesan Beriman Dalam Diri Manusia	124
4.3	Analisis Dakwah Dalam lirik Pusi Endoi berdasarkan perspektif akidah, syariah dan akhlak.	150
4.4	Analisis Rukun Iman Dalam Lirik Puisi Endoi	244
4.5	Analisis Rukun Islam Dalam Lirik Puisi Endoi	244





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Pendekatan Dakwah Menurut Yusuf al-Qardhawi.	40
3.1	Kerangka Kajian	88
3.2	Teori Pengkaedahan Melayu	92
3.3	Kerangka Gabungan Teori Pengkaedahan Melayu, Konsep Dakwah Yusuf Qardhawi dan Konsep Keindahan Ibnu Khaldun	108
4.1	Kandungan Elemen Dakwah	112
4.2	Kategori Perbincangan Konsep Dakwah Berdasarkan Pandangan Yusuf al-Qardhawi	113





SENARAI SINGKATAN

AS	Alaihi Salam
LENP	Lirik Endoi Negeri Perak
LENK	Lirik Endoi Negeri Kedah
SWT	Subhanahu Wataala
SAW	Sallallah Alaihi Wassalam





SENARAI LAMPIRAN

A Lirik Puisi Endoi Negeri Perak

B Lirik Endoi Negeri Kedah





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dakwah merupakan alat yang sangat berkesan dan menjadi agen kepada perubahan sosial bagi mempersiapkan suatu bentuk masyarakat pada masa hadapan. Para ulama dan cendekiawan Islam menjadikan dakwah Islamiah sebagai bahan kajian dan pendekatan untuk melihat keadaan sesebuah masyarakat Islam sama ada berkembang atau membangun. Apabila masyarakat itu mengalami kebuluran, jenayah, gejala sosial dan keruntuhan moral, maka keadaan ini sering dikaitkan dengan kecuaiannya pelaksanaan dakwah dalam masyarakat (Abdullah Muhammad Zin 2012, ms.12).

Dunia dakwah dalam era abad ke 21 ini merupakan satu cabaran baharu kepada segenap lapisan masyarakat. Fenomena kecelaruan masyarakat dalam mendekati Islam dan menghayatinya berlaku di semua peringkat kehidupan manusia. Ini memerlukan satu dimensi dan anjakan paradigma baru yang bersesuaian bagi menangani isu global dan nasional dalam membentuk dan memperkasakan umat Islam dalam menjadi teras pembangunan tamadun manusia selaras dengan kehendak Islam ke arah mengembalikan semula kegemilangan tamadun umat Islam suatu ketika dahulu.





Paradigma baharu yang dimaksudkan adalah uslub atau cara baharu penyebaran dakwah Islamiah yang selari dengan zaman moden serba canggih ini dan dengan menggunakan segala peluang yang terbentang yang wujud dalam bidang apa sekalipun terutamanya bidang teknologi maklumat yang berkaitan dengan media televisyen yang mendominasi saluran masa kini.

Menyebarkan luaskan dakwah ialah satu amanah Allah SWT yang mesti dipikul oleh umat manusia. Islam ialah agama dakwah. Islam ialah satu amanah (tanggung jawab agama) Allah SWT mesti ditunaikan kepada orang yang berhak menerimanya. Dalam al-Quran terdapat ayat yang menjelaskan firman Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya) dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

(Surah Ahzab:72)

Berdasarkan maksud ayat surah al-Ahzab ini, dapatlah difahamkan bahawa Islam ialah agama dakwah yang bersifat menyeluruh dan usaha dakwah hendaklah dipikul oleh seluruh umat manusia.





Fungsi dan misi umat Islam dalam kehidupan masyarakatnya sangat besar dan berat iaitu menjadi pembangun kehidupan masyarakat berlandaskan tauhid dan takwa atau melahirkan masyarakat Islam sebenar-benarnya. Para pendakwah bertanggung jawab secara aktif menyusun, mengatur, merancang dan mengorganisasikan dakwah sebagai satu program yang dilaksanakan secara sistematik.

1.1.1 Puisi Melayu Tradisional

Puisi Melayu tradisional itu mempunyai bentuknya sendiri, mudah dikenali dan diasingkan dari tergolong sebagai baru atau moden. Perbezaan itu bukan sahaja dari unsur luaran seperti bentuk dan struktur, ikatan dan konvensi yang ada padanya tetapi juga pada unsur dalaman dari bahan pembicaraan, pemikiran, isi dan fungsi serta unsur-unsur estetika lainnya yang akan dibincangkan kemudian. Walau bagaimanapun, di samping perbezaan-perbezaan itu, terdapat pula persamaan yang penting iaitu keduanya merupakan hasil imaginasi, daya cipta dan realiti yang menguasai para penciptanya walaupun dari zaman dan konteks yang berbeza-beza (Harun Mat Piah, 1981, ms.54).

Persoalan mengenai permulaan puisi, waktu dan bagaimana mulanya masyarakat Melayu berkomunikasi melalui puisi adalah antara persoalan-persoalan yang sukar dibuktikan. Para pengkaji yang menyentuh soal ini berpendapat bahawa sesuatu masyarakat itu menggunakan puisi sebaik sahaja anggota-anggotanya dapat berkomunikasi melalui bahasa. Dengan demikian dapatlah diambil kesimpulan bahawa puisi telah lahir dalam masa dan peringkat yang sama dengan kelahiran bahasa. Seorang manusia yang normal perkembangan mental dan fizikalnya akan berupaya menyampaikan emosinya dalam kata-kata yang berirama, dengan rentak dan nada yang





paling sedikit mengandungi ciri-ciri atau elemen-elemen puisi. Tetapi bagaimanakah bentuk puisi yang paling awal dalam masyarakat Melayu itu masih belum diterangkan dengan jelas oleh para sarjana.

1.1.2 Puisi Endoi

Salah satu puisi tradisional masyarakat Melayu ialah puisi Endoi. Puisi ini merupakan puisi tumpangan yang masih mendapat tempat dalam sebahagian masyarakat Melayu. Puisi Endoi ini dinyanyikan dalam majlis berendoi bagi meraikan kelahiran bayi dalam sesebuah keluarga. Di Malaysia, puisi Endoi sangat terkenal di negeri sebelah utara. Puisi ini dinyanyikan oleh kumpulan khas iaitu kumpulan marhaban di setiap tempat atau kampung. Kumpulan ini bertanggungjawab membawa puisi Endoi yang akan dinyanyikan dalam majlis tersebut. Berendoi dipercayai berasal daripada negeri Perlis bermula sekitar tahun 1930-an dan kini juga terdapat di negeri Kedah dan Perak. Negeri Perlis seperti negeri-negeri yang lain juga perkembangan budayanya adalah mempunyai pertalian dan pengaruh-pengaruh dari luar terutamanya dari India, Siam dan Islam. Walau bagaimana pun sudah kita ketahui bahawa tidak ada satu pun kebudayaan di dunia ini yang dapat dianggap asli iaitu tidak terpegaruh oleh kebudayaan luar. Sesuatu kebudayaan yang hidup seharusnya berkembang dan perkembangan itu hanya mungkin dengan adanya kemasukan idea-idea baharu dari luar. Jika tidak kebudayaan itu lama-kelamaan akan kaku dan beku. Oleh kerana itu tidak hairanlah beberapa unsur kesenian di negara ini merupakan ramuan-ramuan budaya dan kesenian dari negeri-negeri lain.





Sekitar tahun 60-an merupakan detik-detik bersejarah bagi tradisi berendoi. Ia merupakan acara sampingan daripada acara majlis Maulid Nabi SAW. Acara Maulid ini diambil daripada kitab berzanji yang dikarang oleh seorang tokoh agama yang terkenal dari negeri Jawa (Azhar Hamid, 1990, ms. 18). Menurut sejarah, acara Maulid ini bermula ketika pada zaman kelahiran Nabi Muhammad SAW. Daripada acara Maulid inilah lahirnya puisi dalam adat berendoi. Berendoi ini berasal dari Bukit Besar, Kota Sarang Semut, Kedah. Kemudian ia diperkembangkan secara beransur-ansur ke negeri Perlis dan seluruh masyarakat Melayu. Perkembangan ini telah memberi suatu kesan yang hebat pada generasi di desa dalam negeri Perlis pada waktu itu. Hingga sekarang puisi dalam adat berendoi masih merupakan hiburan tradisional yang tidak kurang kepopularitiannya. Di antara tempat-tempat yang masih masyhur dengan puisi ini di negeri Perlis ialah Kampung Tok Pulau, Kampung Lat Seribu, Bukit Keteri dan di Felda Ladang Tebu, Chuping. Sebagai tambahan berendoi di negeri Perak dikenali sebagai Dendang Siti Fatimah. Kemudian ia diperkembang ke seluruh negara.

Berendoi adalah satu adat Melayu yang masih dikekalkan di sebahagian tempat dalam masyarakat Melayu. Berendoi juga dikenali sebagai berbui atau adat menaiki buai. Secara ringkasnya puisi ini dikenali sebagai istiadat menaikkan kanak-kanak ke dalam buaian yang melibatkan penyediaan buaian yang diikat dengan tali sebesar ibu jari yang berpintal daripada benang tujuh warna, kain buaian berwarna kuning diikat dengan tali dan disangkut pada kayu galang rangka buaian, kain dibuka dan dialas dengan sebidang tilam kecil pada galang buaian pula digayut bermacam-macam bunga, kain berobak-ombak yang bermanik serta digantung berbagai-bagai kuih kering. Lagu yang dinyanyikan dalam adat berendoi adalah nyanyian rakyat yang pertama dan tertua iaitu amat panjang umurnya dan tidak dapat diketahui siapakah yang mengarang atau





memulai lagu-lagu itu. Nyanyian ini lahir dalam kalangan rakyat biasa dalam keadaan yang bersahaja. Setiap nyanyian rakyat bertemakan kehidupan harian masyarakat zaman dahulu dan ini termasuklah pemikiran, kepercayaan serta keinginan-keinginan mereka (Nureeyan Saleh, 1999, ms. 1).

Nyanyian ini jika diteliti secara mendalam mencerminkan kehidupan awal masyarakat Melayu dengan begitu baik sekali. Sebenarnya puisi yang dinyanyikan dalam adat berendoi ialah salah satu sastera lisan yang diperdengarkan kepada kanak-kanak sejak dilahirkan. Kanak-kanak akan terhibur dengan lagu-lagu dalam majlis ini kerana susunan seni kata yang indah, gaya penyampaian serta nada yang merdu. Selain itu juga, lagu yang dinyanyikan dalam adat berendoi ini memperlihatkan manifestasi kehidupan yang sangat rapat dengan kanak-kanak terutamanya ketika mereka berada dalam peringkat bayi. Perasaan sayang dapat dibentuk melalui nyanyian dengan suara yang lemah lembut, berulang-ulang merdu dan mendayu-dayu.

Menurut Ensiklopedia Sejarah dan kebudayaan Melayu (1994, ms. 248), berendoi dimaksudkan sebagai seni pentas yang dipersembahkan sempena upacara mencukur rambut anak yang baru lahir. Manakala menurut Harun Mat Piah, 1989, Endoi membawa maksud buaian dan ia merupakan tradisi lisan berbentuk perbuatan yang disambut oleh masyarakat Melayu dalam majlis keramaian seperti kenduri kahwin untuk memeriahkan suasana.

Aktiviti berendoi ini masih lagi diamalkan dalam masyarakat Melayu hari ini, khususnya di negeri-negeri utara semenanjung seperti Perak, Kedah dan Perlis malah menjadi satu kelaziman dalam kalangan orang tertentu mengadakan istiadat ini. (Mendekati Puisi Melayu Tradisional, 2006, ms.106). Nyanyian tersebut dikenali





sebagai dikir Berendoi. Kumpulan dikir ini boleh terdiri dari kaum wanita atau lelaki berjumlah empat orang atau lebih. Pada dasarnya berendoi merupakan persembahan kebudayaan. Kebiasaannya, berendoi yang dipersembahkan dianggotai oleh 3 atau 4 orang ahli dan di antara mereka terdapat seorang Tekong.

Budaya berendoi ini biasanya dilakukan pada hari kenduri kahwin dan pada hari ketujuh setelah bayi dilahirkan. Berendoi dipersembahkan dengan penuh adat istiadat. Ada juga yang mempersembahkannya ketika mendapat anak sulung, anak bongsu atau baru pertama kali mendapat anak lelaki atau perempuan. Biasanya majlis berendoi ini dipersembahkan kerana hendak memenuhi kehendak berniat atau bernazar. Jika diteliti pada lirik puisi endoi setiap tempat masing-masing mempunyai perbezaan. Namun masih terdapat persamaan pada permulaan lirik iaitu memuji Nabi Muhammad dan menceritakan tentang bagaimana bayi mula diciptakan sejak dalam kandungan hingga dilahirkan.



Endoi yang dinyanyikan bermula dengan memuji-muji kebesaran Allah dan diceritakan asal mula jadi kanak-kanak tersebut dari awalnya. Seinggalah ibu tersebut mengandung dan diceritakan kesusahan ketika menjaga kandungan tersebut. Kasih semakin mendalam setelah kandungan selamat dilahirkan. (Rosli Saludin, 2007:170)

Dalam mengkategorikan puisi kita memerlukan kriteria-kriteria yang dapat menyerlahkan perbezaan-perbezaan dan persamaan-persamaan. Antaranya dari segi bentuknya, jenis dan ciri-cirinya atau hasil dari warisan atau pengaruh tertentu. Antara aspek-aspek di atas, dapatlah dikatakan bentuk merupakan faktor yang paling utama menentukan identiti sesebuah puisi serta dapat membezakannya dari puisi-puisi yang



lain. Menurut Mohd Taib Osman (1975, ms. 189), puisi Endoi tergolong dalam kumpulan syair dan nazam. Jadual di bawah menunjukkan istilah dan penggolongan genre yang dapat dikaitkan dengan puisi endoi

Jadual 1.1

Penggolongan Genre

Isilah dan Genre	Genre	Bentuk dan Struktur	Tema dan Isi
Syair, nazam, rubai, rejang, seloka, pantun seloka, endoi dan hadrah	Syair	Bentuk terikat: berangkap umumnya empat baris serangkap dengan sedikit variasi. Keseluruhan rangkap adalah merupakan satu idea yang berurutan. Empat perkataan sebaris. Memerlukan beberapa rangkap untuk melengkapkan satu keseluruhan idea.	Mengandungi pelbagai jenis tema yang berkisar tentang kehidupan masyarakat.
Nazam, syair, endoi, Dikir	Nazam	Bentuk terikat, berangkap, dua baris serangkap, empat, enam atau lebih perkataan sebaris, memakai rima a-a, a-b atau serima dengan sedikit variasi. Memerlukan beberapa rangkap untuk melengkapkan satu keseluruhan idea.	Mengandungi pengajaran agama, feqah dan tauhid serta pemerian yang terperinci mengenai kehidupan dan perjuangan Rasulullah SAW.

Puisi ini didendangkan kepada si anak secara lisan yang seni katanya dihafal kerana kebanyakannya mereka tidak pandai menulis dan membaca. Namun pada hari ini, kita dapat lihat terdapat beberapa kumpulan yang ditubuhkan khas di setiap kampung untuk menjalankan aktiviti berendoi ini dan setiap kumpulan itu mempunyai lirik-lirik Endoi tersendiri dan berbeza sama sekali dengan kumpulan yang lain.



Walaupun bagaimanapun, matlamatnya tetap sama. Antara fungsi-fungsi Endoi dalam masyarakat Melayu:

- i. Menyatakan kegembiraan dengan kehadiran ahli baru

Fungsi utama yang dapat dilihat melalui adat berendoi dalam masyarakat Melayu ialah untuk menyampaikan kegembiraan sesebuah keluarga yang menyambut kedatangan ahli baru dalam keluarga mereka. Walaupun adat ini bukan merupakan sesuatu yang diwajibkan, namun merupakan salah satu adat yang langsung tidak bercanggah dengan agama Islam itu sendiri. Kegembiraan itu amat dirasakan oleh seseorang apabila mengetahui tanda-tanda kehamilan atau menanti saat kelahiran si comel. Pada saat inilah masyarakat menunjukkan bibit-bibit kemesraan dan kecintaan terhadap kehadiran ahli baharu kerana akan bertambahlah umat islam di muka bumi ini. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menerangkan kegembiraan seseorang muslim apabila mengetahui berita tentang kelahiran anak. Antara hikmah disebalik berita baik ini akan dapat mengeratkan lagi kasih sayang dan tanggung jawab sesama muslim. Kehadiran anak dalam sesebuah keluarga merupakan hadiah teristimewa. Kehadirannya dapat menggembirakan pasangan suami atau ahli keluarga serta umat Islam seluruhnya. Sebagai mukmin yang sejati tentunya mengharapkan kebaikan kepada saudara seagamanya. Sikap sedemikian dapat menanamkan kesedaran dan perasaan tanggung jawab sesama mukmin. Gembira dan sedih bersama-sama umpama satu tubuh. Apabila satu anggota berasa sakit, seluruh anggota lain turut merasakan ketidakselesaan dan kesakitannya. Firman Allah SWT yang bermaksud:





Wahai Zakaria! Sesungguhnya kami memberi khabar yang menggembirakanmu dengan mengurniakan seorang anak lelaki bernama Yahya.

(Surah Maryam :7)

Di samping itu juga, kita juga digalakkan mengucapkan tahniah kepada keluarga tersebut atas kelahiran bayi mereka. Walaupun tiada hadis Rasulullah yang menyebutkan ucapan tahniah kepada mereka namun terdapat beberapa athar para tabiin yang menyatakan hal tersebut. Antaranya:

Daripada Hasan Basri berkata: Seorang lelaki bertanya kepadanya, “bagaimana aku hendak mengucapkan tahniah? Dia menjawab “ucapkanlah semoga Allah menjadikan anak itu membawa keberkatan kepadamu, ahli keluargamu dan umat nabi Muhammad SAW seluruhnya”.

Athar tabiin ini amat bermakna pada diri kita dalam mengamalkan “ucapan tahniah” yang mulia ini. Terdapat dalam sesetengah masyarakat Islam hari ini iaitu mereka lebih gemar melafazkan suatu ucapan yang tidak bersesuaian dengan sunnah nabi Muhammad SAW dan amalan para tabiin. Kesimpulannya ucapan tahniah diharuskan oleh syarak dan amalan yang mulia ini perlu diteruskan jika dan tidak memudaratkan.

M. Ghazali dalam Puisi Melayu Baharu (1961, ms. 199) turut menyatakan kegembiraannya menyambut anak yang baru lahir ke dunia. Tetamu yang masih suci itu disambut dengan keinsafan terhadap keagungan tuhan.





Mata yang jernih mengarah dikelahiran bayi
 Selembut cahaya bulan bersinar dipagi hari
 Lagu ini suling hitam bambu di hutan
 Yang memuja menara tinggi keagungan tuhan
 Bagi kami menghanyutkan isi dada yang kotor
 Inilah harapan di dalam hati tiadakan lebur

Manakala Usman Awang (1961, ms. 70) sewaktu menyambut kelahiran anaknya, beliau tidak lupa menghadapkan keriangannya kepada tuhan.

Meski tidak ku tanya
 Bonda mengetahui juga
 Sebab antara kami pandangan mata mengisi bicara
 Bergetar bibirnya: Adik Haslina seorang Putra
 (tuhan, segala puji bagimu cuma!)

Shamsudin Jaafar dalam Unsur-Unsur Islam Dalam Puisi (1989, ms. 127), dalam keharuan menyambut kelahiran puteranya beliau memanjatkan doa untuk anaknya.



Tangis pertama menggema
 Antara desir daun-daun
 Dan kedinginan pagi
 Shamsul Akmar
 Ini ayah dan ibumu
 Mengiringi restu dan doa pada setiap detik nafasmu.

Selain mengungkapkan kegembiraan melalui perbuatan, penyair-penyair ini juga meluahkan rasa kesyukuran itu melalui bait-bait syair dan sajak untuk menyatakan maksud mereka. Jelas di sini bahawa adat berendoi dalam kalangan masyarakat Melayu masih relevan dan patut dikekalkan.

Jika ditanya kepada orang miskin tentang makna bahagia, mereka akan menjawab, bahagiannya jika kita kaya, jika ditanya pada orang sakit, mereka akan menjawab pula bahagiannya jika aku sihat. Jika ditanya kepada orang





bujang, mereka akan menjawab bahagianya jika memiliki isteri solehah. Begitu julah keadaannya apabila ditanya makna bahagia bagi pasangan suami isteri, mereka menjawab, bahagianya jika mendapat anak. (Mohd Hariri Mohd Daud, 2015:vii)

Sebagai agama yang menitik beratkan nilai-nilai murni di dalam kehidupan seharian, ucapan tahniah di atas kelahiran anak dalam sesebuah keluarga amat dituntut kerana ia juga merupakan tanda-tanda bagi mereka yang bersyukur di atas kurniaan dan nikmat daripada Allah S.W.T. Selain dapat mengeratkan hubungan antara sesama mukmin. Menurut al-Nawawi dalam kitab al-Azkar Muntakhabat Min Kalam Sayyidi Al-Anwar, (2001, ms 145) seharusnya setiap mukmin itu mengucapkan ucapan:



بَارَكَ اللهُ لَكَ فِي الْمَوْهُوبِ لَكَ وَشَكَرْتَ الْوَاهِبَ وَبَلَغَ أَشُدَّهُ وَرَزَقْتَ بَرَّهُ

Semoga Allah memberikan berkat bagimu tentang anak yang diberikan bagimu. Aku juga bersyukur kepada yang maha memberi semoga anak itu sampai dewasa dan engkau mendapat kebbaikannya.

Manakala bagi mereka yang menerima ucapan pula sunat menjawab:

بَارَكَ اللهُ لَكَ وَبَارَكَ عَلَيْكَ

Ertinya: Semoga Allah memberi berkat bagimu, semoga Dia membalas kebaikanmu.





Kesimpulannya, galakan bergembira dan memberi ucapan tahniah kepada keluarga yang menerima kehadiran ahli baru dalam keluarga adalah sunat bagi seseorang Muslim. Ucapan ini dapat menggembirakan saudaranya yang lain dan menimbulkan perasaan suka cita dalam hatinya seperti firman Allah SWT:

وَهُوَ الَّذِي أَرْسَلَ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً طَهُورًا ﴿٤٨﴾

Maksudnya: Dan Dia lah Tuhan yang menghantarkan angin sebagai berita gembira sebelum kedatangan rahmatNya, dan Kami menurunkan dari langit air yang bersih suci.

(Surah Furqan:48)



ii. Sebagai Medium Pendidikan

Jika dilihat melalui fungsi Endoi itu sendiri yang bertujuan untuk menyatakan kesyukuran dan kegembiraan dengan kehadiran ahli baru, ia juga berfungsi sebagai tersirat iaitu mendidik masyarakat dengan didikan moral yang baik (Abdul Halim Ali, 2006, ms. 105). Isi kandungan dalam lirik lagu Endoi dapat memberi pengajaran kepada anak-anak serta masyarakat yang mendengarnya. Ini adalah disebabkan unsur-unsur nasihat yang terkandung dalam lirik endoi itu mampu memberi pengajaran kepada mereka. Setiap lirik tersebut mengandungi kata-kata nasihat, menyampaikan ilmu pengetahuan seperti sejarah, agama, moral atau akhlak kepada anak yang dibuaikan sehinggalah anak itu dewasa. Lagu endoi kebanyakannya disertakan ayat suci al-Quran bagi memberi pendedahan awal tentang agama kepada anak yang baru lahir.





Syair memberikan kesan yang besar pada jiwa manusia, disebabkan susunan ayat dan penggunaan kalimah yang berbeza dan berlainan dengan amalan biasa. Dengan bahasa yang cantik, mesej yang disampaikan sangat mendalam untuk membangkitkan hati pendengar kepadanya. Disebabkan peranan syair yang besar kepada jiwa manusia, Islam menggunakannya sebagai satu uslub dalam dakwah terutamanya pada peringkat awal Islam dahulu. (Abdul Aziz Mohd Zin, 2001:166)

Islam turut menjelaskan betapa besarnya fungsi sesebuah syair dalam menyampaikan unsur-unsur dakwah yang hendak disampaikan. Peringkat bayi adalah tapak asas bagi perkembangan optimum peringkat yang seterusnya. Ketika bayi dilahirkan mereka sudah dilengkapi dengan kebolehan menerima maklumat dan belajar melalui deria sentuhan, rasa, bau, pendengaran dan penglihatan. Maka, dapat disimpulkan juga, fungsi Endoi ini merupakan terapi kepada bayi. Semasa ia dinyanyikan rata-rata bayi pada waktu itu tidur dengan nyenyak dan berada dalam keadaan tenang sahaja. Pakar psikologi kerap menekankan betapa pentingnya bayi yang baru lahir didedahkan dengan aktiviti literasi bagi membantu perkembangan intelektual pada tahap permulaan. Ia dimulakan dengan nyanyian, dendangan dan lagu-lagu. Ibu bapa dan orang dewasa boleh berinteraksi dengan bayi yang masih belum memahami makna pertuturan.

Seterusnya, keluarga merupakan unit sosial terkecil di dalam sesebuah masyarakat. Institusi ini berperanan penting menentukan individu bagaimana yang diwujudkan di dalam masyarakat tersebut. Memandangkan peranan ini, Islam memberikan penekanan penting kepada pembentukan sesebuah keluarga. Oleh itu, keluarga mempunyai tugas penting dalam pembentukan peribadi seseorang individu.





Maka dapat dijelaskan bahawa, pendidikan awal anak-anak bermula daripada keluarga iaitu ibu dan bapa. Dalam pada masa yang sama, lirik yang terdapat dalam puisi Endoi ini mampu menjadi salah satu medium pendidikan yang boleh disampaikan oleh ibu atau bapa bermula sejak bayi kerana ia sarat dengan elemen keagamaan dan kasih sayang ibu dan anak.

Jika diteliti dalam budaya berendoi ini, ia dimulakan dengan puji-pujian terhadap penghulu segala nabi iaitu Nabi Muhammad SAW. Didikan yang baik daripada ibu bapa akan membuahkan peribadi yang berhemah tinggi dan kehidupan yang baik. Oleh itu apa sahaja yang diajar secara langsung ataupun tidak langsung perlulah diteliti supaya nilai-nilai positif yang akan diserap atau dipelajari sementara nilai negatif dapat dielakkan. Jelas lirik-lirik Endoi dapat memenuhi sebahagian daripada keperluan pemupukan nilai tersebut selain dari berfungsi sebagai alat menghibur dan wadah kekreatifan masyarakat Melayu.

iii. Cara Ibu Menyatakan Kasih Sayang

Lirik tersebut juga merupakan nyanyian yang menyatakan rasa kasih dan sayang. Kasih sayang dan cinta adalah antara emosi yang dimiliki manusia. Perkataan 'kasih' ialah perasaan dan perasaan cinta, belas kasihan serta timbang rasa. Manakala perkataan 'sayang' juga bermaksud cinta, kasih, suka, berasa belas dan kasihan. Perkataan 'cinta' pula bermaksud perasaan sangat kasih, sayang yang sangat mendalam. Lagu-lagu tersebut dipunyai oleh ibu bapa dan dilahirkan khusus untuk pendengaran anak-anak mereka. Pernyataan kasih sayang yang amat mendalam itu disusun dalam bentuk puisi, berisi lirik yang gemalai dan dihasilkan secara spontan (Harun Jaafar, 1996, ms. 39).





Kelahiran bayi dalam kalangan masyarakat Islam selalunya disambut dengan penuh keriang dan kasih sayang. Biasanya ia disambut dengan kenduri kesyukuran di samping puji-pujian terhadap kebesaran tuhan yang menyelamatkan ibu yang bersalin dan mengalu-alukan kedatangan manusia baru di sisi keluarga dan masyarakat. Mudah-mudahan anak itu akan menjadi anak yang salih dan beriman. (Ahmad Kamal Abdullah, 1988:34)

Jelas antara fungsi puisi Endoi itu sendiri merupakan ungkapan-ungkapan yang sangat bermakna buat anak. Masyarakat Melayu menzahirkan rasa bahagia itu melalui puisi tersebut. Jelaslah bahawa makna bahagia bersifat subjektif dan nikmat bahagia paling besar ialah masuk ke syurga Allah SWT yang kekal abadi. Tabiat semula jadi manusia inginkan anak dan sayang kepada anak. Tabiat semula jadi ini ada dalam setiap hati manusia yang bergelar suami isteri dan perasaan itu sangat mendalam pada jiwa masing-masing. Maka tidak hairanlah jika al-Quran juga turut menggambarkan perasaan sayang terhadap anak sebagai perhiasan dunia. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Harta benda dan anak pinak itu merupakan perhiasan hidup di dunia dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan

(Surah Kahfi :46)





iv. Sebagai alat kawalan sosial

Jika diteliti watak yang ditonjolkan dalam lirik puisi endoi memainkan peranan besar sebagai alat kawalan sosial yang berkesan. Akhlak Nabi Muhammad SAW dijadikan contoh dan teladan kepada pendengar khususnya bayi yang diraikan. Dalam lirik ini telah menceritakan serta menuntut pendengar supaya mencontohi akhlak Rasulullah SAW.

Telah berkata Aisyah apabila ditanya tentang akhlak Nabi SAW, lalu dia menjawab sesungguhnya akhlak baginda adalah al-Quran

(Sahih Muslim)



Di samping itu juga puisi Endoi yang dinyanyikan bermula dengan memuji-muji kebesaran Allah SWT dan diceritakan asal mula kejadian anak dalam rahim seorang ibu sehinggalah diceritakan kesusahan dan kepayahan melahirkan dan memelihara anak sehinggalah dewasa. Sebelum bayi di ayunkan, dibacakan doa selamat terlebih dahulu bagi memberkati majlis tersebut. Jelas dapat dilihat unsur-unsur keagamaan yang diterapkan melalui lirik Endoi ini mampu membentuk peribadi anak-anak kerana kita sememangnya wajib memperkenalkan agama seawal kelahiran lagi. Islam dengan tabiatnya yang memenuhi fitrah manusia itu telah pun menentukan tanggung jawab yang penting dan besar yang harus dilaksanakan oleh ibu bapa. Jika tanggung jawab ini dilaksanakan dengan sempurna maka pastilah akan membuahkan natijah atau hasil yang baik dan cemerlang. Firman Allah SWT:





يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ
وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ
وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Peliharalah dirimu dan ahli keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya terdiri dari manusia dan batu.

(Surah Tahrim:6)

Kesimpulannya, pembentukan anak-anak yang utama ialah pada waktu kecil, maka apabila seorang anak dibiarkan melakukan sesuatu yang kurang baik dan kemudian menjadi kebiasaannya maka akan sukarlah memperbetulkannya apabila mereka dewasa. Apabila kita melihat sendiri lirik-lirik puisi Endoi tersebut terdapat beberapa penjelasan yang boleh dijadikan pegangan. Pertama, jelas keunikan yang terpancar pada lirik-lirik lagu Endoi yang mana mampu menguasai emosi kanak-kanak serta bayi yang baharu lahir. Malah masyarakat sekeliling yang mendengar nyanyian tersebut turut terkesan. Kedua, masyarakat Melayu mempunyai cara tersendiri mempamerkan rasa kasih sayang antara ibu dan anak. Ia dinyatakan secara terus melalui upacara adat berendoi. Ketiga, pendidikan yang pertama patut diberi kepada anak-anak ialah pendidikan agama. Melalui adat berendoi ini dapat mendekatkan diri kanak-kanak mengenali agama serta nabi Muhammad SAW yang dinyanyikan dalam upacara tersebut.





Walaupun telah ditelan masa, lirik lagu-lagu endoi masih tersimpan dalam ingatan mereka yang pernah mengalaminya (mendengarkan atau menghadiri majlis-majlis berendoi). Ini dapat dilihat setiap kali seorang ibu yang menidurkan anaknya, secara spontan puisi Endoi ini meniti bibir mereka. Berdasarkan penjelasan-penjelasan di atas, maka masih ada harapan untuk mengelakkan kepupusan puisi endoi dalam masyarakat Melayu andainya ada usaha dibuat ke arah itu.

v. Sebagai Cerminan Adat dan Budaya Masyarakat Melayu

Endoi merupakan cerminan adat resam dan kepercayaan masyarakat Melayu yang penting kerana Endoi adalah faktor yang dapat membentuk susunan hidup dan identiti orang Melayu. Hampir semua adat resam yang diamalkan oleh orang Melayu mempunyai tujuan tertentu sama ada yang berkaitan dengan kepercayaan tradisional ataupun kepercayaan agama Islam yang mereka anuti. Ini kerana adat dan kepercayaan tidak boleh dipisahkan dalam sistem kehidupan manusia. Ini adalah unsur falsafah budaya bangsa yang dihormati dan diamalkan demi kesejahteraan dan keharmoniaan hidup kepada pengamalnya. Istilah adat berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud kelaziman yang terkhusus pada seseorang atau masyarakatnya. Orang-orang Melayu amat memandang tinggi kepada adat sebagai warisan yang diperturunkan dari satu generasi kepada satu generasi. Mereka menyedari tentang pentingnya bagi mereka mempertahankan tradisi adat dan menjadi tanggung jawab setiap orang mempertahankan tradisi.

Menurut Asmad (1990, ms. 8), adat membawa maksud peraturan atau perkara yang biasa dilakukan oleh sesebuah masyarakat yang harus dipatuhi, malah dalam





aspek-aspek tertentu adat berfungsi sebagai undang-undang masyarakat yang tidak tertulis atau termaktub sebagai undang-undang. Manakala menurut Yusof Zaky Yaakub (1964, ms. 142), adat merupakan satu peraturan atau undang-undang yang tidak bertulis yang dipindah-pindahkan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain melalui asuhan, didikan dan warisan orang tua-tua. Menerusi beberapa takrif yang dikemukakan daripada pelbagai sumber, dapatlah penulis membuat kesimpulan bahawa adat adalah cara hidup harian dan pola budaya harian yang jelas dapat dilihat melalui kekerapan amalannya dan mesti diikuti sebagai menghormati nilai kemasyarakatan.

Secara kesimpulannya, adat dalam pengertian yang luas kepada orang Melayu meliputi keseluruhan tradisi budaya yang diwarisi. Di mana usaha menjaga dan mempertahankan tradisi adat adalah tanggung jawab semua anggota masyarakat.

Mempertahankan adat juga bermakna mempertahankan identiti budaya Melayu Islam yang diwarisi sekian lama. Dalam konteks sejarah bangsa Melayu tradisi, adat dapat dibahagikan kepada lima bahagian iaitu:

1) Adatullah

Ditakrifkan sebagai hukum fitrah yang dicipta Allah SWT. Ianya terbahagi kepada dua bahagian.

- a) Hukum tabii. Sebagai contoh adat api yang membakar, adat air membasah, adat kambing mengembek, adat air laut masin, adat malam gelap, adat harimau bengis serta garang dan sebagainya.
- b) Hukum adat yang hampir mutlak merupakan peraturan Islam. Sebagai contoh mesyuarah, belajar ilmu khususnya ilmu agama, ziarah-





menziarahi, menghormati orang tua-tua, melayan tetamu dengan baik, berbaik sesama jiran dan sebagainya.

2) Adat Muhakamah (adat yang baik)

Adat muhakamah ialah undang-undang, hukum adat dan peraturan yang digubal oleh nenek moyang bangsa Melayu yang menjadi pemuka-pemuka masyarakat bagi menjamin kerukunan serta keharmonian di dalam konteks kehidupan dalam satu kelompok bangsa. Ianya mengikat rakyat kepada perlembagaan masyarakat. Undang-undang adat ini menjadi paksi utama undang-undang bangsa Melayu di rantau ini dan lazim disebut dengan istilah kanun. Contoh undang-undang adat yang terawal dapat dilihat pada batu bersurat Terengganu. Batu Bersurat ini terpahat beberapa peruntukan undang-undang jenayah dan perdagangan Islam. Selain itu terdapat juga Risalah Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan dan banyak lagi. Daripada perspektif Islam, adat Muhakamah dikira mengikat dan wajib dipatuhi selama mana ianya tidak bertentangan dengan hukum syariat kerana adat muhakamah dibuat untuk mengatur masyarakat dengan baik dan memelihara kesentosaan negeri.

3) Adatunnah (adat yang diadatkan)

Adatunnah atau lazim diistilahkan sebagai resam ialah adat dan hukum yang bersumber daripada kebiasaan-kebiasaan masyarakat setempat yang dinilai sebagai





murni, bermanfaat dan tidak bersalahan dengan hukum Islam serta tidak menyimpang dari konsep adatullah dan adat muhakamah. Adatunnah terbahagi kepada dua bahagian:

- a) Peradaban serta adat resam tempatan yang baik dan bersifat makruf seperti konsep bergotong -royong, berbudi bahasa, bersopan santun, belajar ilmu pertahanan seperti bersilat dan ilmu persenjataan, berlembut dengan orang tua-tua, menggunakan ganti nama kepada orang tua-tua sebagai tanda memuliakan mereka, bermusafir untuk mencari ilmu atau rezeki, majlis bersalaman dan bermaafan di Hari Raya Aidilfitri atau sebagainya. Kebiasaan amalan terpuji ini kemudiannya diperkukuhkan oleh patinggi adat setempat sebagai resam yang harus berlaku dalam pergaulan hidup seharian.

- b) Majlis-majlis keagamaan dan amalan masyarakat Melayu yang juga bersifat makruf seperti Majlis Tahlil, marhaban, khatam Quran, majlis berkhatan, Majlis Maulidur Rasul, Majlis Tilawah al-Quran dan sebagainya.

4) Adat Istiadat

Adat istiadat ialah ritual yang sering dilakukan dalam institusi-institusi perayaan atau majlis-majlis rasmi, contohnya adat berkenduri-kendara, adat nikah kahwin, adat menghadiri majlis DiRaja dan sebagainya. Perkara ini termasuklah dalam urusan mengatur alatan perhiasan, aturcara, tempat duduk dan susunan mereka yang



akan menghadiri majlis-majlis yang beradat -istiadat. Adat istiadat ini dibuat dengan tujuan meletakkan adab yang patut bagi membesar dan memuliakan perayaan atau majlis tersebut. Contoh tatacara dan protokol dalam majlis-majlis rasmi serta kenduri-kendara adalah seperti adat merisik, meminang, menyambut menantu, majlis berendoi, majlis pertabalan Raja, majlis menghadap Raja, majlis pengurniaan diraja dan sebagainya.

5) Adat Jahiliyyah

Adat yang bersumber daripada amalan-amalan yang dibawa dari zaman pra-Islam, umumnya bercanggah dengan ajaran Islam. Walaupun Islam telah lama berakar umbi dalam kehidupan masyarakat Melayu, sebahagian kecil adat istiadat jahiliyyah masih lagi diamalkan oleh sebahagian mereka. Bagaimanapun para pemimpin dan ulama Islam telah berusaha berbagai cara yang dapat menghapuskan saki-baki amalan adat istiadat jahiliyyah yang masih wujud dalam masyarakat Melayu contohnya Perayaan Mandi Safar yang telahpun di mansuhkan, menghantar makanan ke makam wali-wali keramat, beberapa ritual dalam majlis persandingan dan sebagainya.

Kesimpulannya, dalam ajaran Islam itu sendiri telah menetapkan beberapa cara dalam menangani pengamal-pengamal adat sepertimana yang kita tahu bahawa setiap masyarakat sebahagiannya mempunyai adat tersendiri. Islam telah menetapkan bahawa:

- i. Adat hanya diterima pakai selama mana ia dipakai (berbeza dengan hukum syariat yang tidak boleh berubah sehingga hari kiamat).



- ii. Hukum adat harus diambil dalam keadaan tertentu apabila undang-undang syariat bersifat umum dan tidak menunjukkan apa-apa doktrin undang-undang mahupun memberikan definisi khusus atau tepat contohnya dalam perkara adab dan sopan.
- iii. Pertembungan amalan adat dan undang-undang syariat akan diselesaikan dengan memberikan keutamaan pada undang-undang syariat.
- iv. Peraturan-peraturan adat diterima oleh Islam selagi ia bersifat al-Adah al-Muhkamah (adat yang baik).
- v. Di dalam sistem perundangan Islam adat secara tersendiri tidak diterima sebagai sumber rasminya. Adat lebih bersifat pelengkap atau penggenap selagi tidak bertentangan dengan syariat.



1.1.3 Adat Menyambut Kelahiran Bayi Menurut Islam

Hampir semua adat resam yang diamalkan oleh orang Melayu mempunyai tujuan tertentu, sama ada yang berkaitan dengan kepercayaan tradisional ataupun kepercayaan agama Islam itu sendiri. Setiap golongan masyarakat manusia di muka bumi ini mempunyai susunan hidup yang tertentu yang dinamakan adat. Dalam masyarakat Melayu adat menyambut kelahiran bayi sudah menjadi satu kemestian dalam sesebuah keluarga. Walaupun adat tersebut bukan menjadi perkara wajib dalam agama Islam atau yang disarankan Nabi Muhammad SAW, namun ianya boleh dilakukan selagi tidak bercanggah dengan Islam itu sendiri. Secara keseluruhan adat masyarakat Melayu yang





dipengaruhi budaya Hindu Budha telah ditinggalkan. Pengaruh adat Hindu Budha seperti adat memijak tanah dan melenggang perut telah tidak lagi diamalkan kerana ianya bukan sahaja bertentangan dengan Islam malah ia juga merupakan sesuatu perbuatan yang tidak berfaedah.

i. Azan dan Iqamah

Islam adalah sebuah agama satu cara hidup. Sejak seorang manusia lahir maka bermulalah Islam hidupnya. Azan adalah zikir yang khusus disyariatkan untuk pemberitahuan masuknya waktu solat fardu serta menyeru umat Islam menunaikan solat. Menurut Mustafa al-Khin dalam kitab Fiqh al-Manhaji (1973, ms. 342) bahawa azan adalah zikir yang khusus disyariatkan untuk pemberitahuan masuknya waktu solat fardu serta menyeru umat Islam menunaikan solat. Selain itu, azan merupakan syiar bagi agama Islam. Sebagai agama yang memandu hidup manusia dengan sempurna maka Islam juga memandu umatnya seawal kelahiran seorang manusia di atas muka bumi. Oleh sebab itu, apabila seorang bayi dilahirkan disunatkan kepada ibu dan bapa untuk melakukan dua perkara iaiu mengazankan di telinga kanan dan iqamah di sebelah kiri. Rasulullah SAW berkata di dalam hadith bermaksud:

Sesiapa yang dikurniakan cahaya mata dan dia azan ke telinga kanannya dan iqamah di telinga kirinya, oleh itu dia tidak akan mendapat apa-apa mudharat dari dari Ummu al- Subyan

(Imam Baihaqi)





Ummu al-Subyan yang dimaksudkan di dalam hadis tersebut ialah syaitan yang menunggu kelahiran bayi. Azan adalah kalimah yang akan melemahkan syaitan ketika syaitan itu mula mendekati seseorang bayi (Mohd Hariri, 2015, ms. 16). Menurut Ibnu Qayyim dalam kitab Tuhfat Al-Maulud menyatakan rahsia azan ialah agar kata-kata pertama yang didengar oleh manusia ketika mula keluar ke dunia ialah kata-kata panggilan Allah yang mengandungi sifat keagungan-Nya. Syahadah adalah kalimah pertama yang masuk telinga seorang manusia ketika dilahirkan dan syahadah juga adalah kalimah terakhir yang diajarkan kepada orang yang nazak.

Menurut Sheikh Muhammad Ali Quthb di dalam kitab Tuhfatul Aris Wal Arus menyebut bahawa kalimah azan adalah umpama talkin bagi anak yang baru lahir. Talkin adalah syiar Islam untuk menghantar manusia ke alam baharu memasuki kehidupan dunia. Syiar ini jualah yang mengandungi kalimah tauhid yang akan menghantar manusia ke alam barzakh. Selain itu, mengazankan bayi bertujuan untuk menyerunya supaya mengenal dan mengesakan Allah SWT. Susunan kalimah yang terkandung dalam laungan azan seperti membesarkan Allah SWT, mengakui keesaan dan kerasulan Nabi Muhammad SAW, perintah menunaikan solat dan saranan menuju kejayaan adalah kalimah yang digeruni oleh syaitan dan iblis.

Azan turut mengingatkan kita kepada panggilan Allah SWT untuk beribadah. Panggilan ini mengandungi kepercayaan akidah, tauhid, iman serta hidup bertuhan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab seorang bapa untuk melaungkan azan ke telinga kanan dan iqamah ke telinga kiri anaknya.

ii. Tahnik





Tahnik dikenali oleh masyarakat Melayu sebagai upacara belah mulut yang diadakan sejak dahulu lagi. Tahnik dalam bahasa Arab bermaksud lelangit di dalam mulut. Wujud juga sesetengah masyarakat yang mengadakan tahnik pada majlis aqiqah dan majlis cukur jambul. Imam, bilal atau tokoh agama dijemput untuk mengetuai majlis tersebut. Situasi ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa adat resam budaya Melayu cukup dekat dengan amalan serta ajaran Islam. Manakala dalam Islam, tahnik bermaksud mengunyah buah tamar atau kurma dan diletakkan sedikit ke dalam mulut bayi. Amalan tahnik adalah amalan sunnah Rasulullah dan digalakkan dilakukan sejurus kelahiran bayi. Abu Musa pernah berkata yang bermaksud:

Aku telah mendapat seorang anak lelaki kemudian saya membawanya kepada Rasulullah. Rasulullah menamakannya Ibrahim dan melakukan tahnik dengan sebiji kurma. Rasulullah juga telah mendoakannya semoga diberkati Allah. Selepas itu barulah Rasulullah berikan semula bayi itu kepada saya

(Bukhari dan Muslim)

Di sebalik perlunya bertahnik kepada anak yang dilahirkan, terdapat beberapa hikmah tersembunyi. Sebagai contoh selain merupakan sunnah Rasulullah SAW, ia juga dapat mencegah penyakit kronik, memberi tenaga dan kekuatan, memberi keberkatan dan dapat mencerdaskan minda anak tersebut. Inilah sebabnya Rasulullah SAW menyarankan bertahnik menggunakan buah kurma kerana terdapat pelbagai khasiat yang terkandung di dalamnya.

iii. Memberi nama yang baik





Memilih dan menamakan untuk bayi adalah saat yang menyeronokkan bagi kedua ibu bapa. Perlu diingatkan bahawa menjadi kewajipan bagi ibu bapa untuk memilih nama yang baik dan indah. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Sesungguhnya pada hari kiamat kelak, kamu akan dipanggil dengan nama-nama kamu dan nama-nama bapa kamu, jadi pilihlah nama-nama yang cantik (baik-baik).

(Riwayat Abu Daud)

Islam menitik beratkan soal pemilihan nama bayi kerana nama tersebut bukan sahaja panggilan Allah di akhirat malah merupakan satu doa. Setiap kali namanya disebut, setiap kali itulah doa dipanjatkan kepadanya. Bahkan Rasulullah SAW akan mengubah nama-nama sahabat yang tidak baik maknanya ditukar kepada nama-nama yang baik. Islam memandu kita untuk memberikan nama anak pada hari ketujuh kelahiran. Hari ketujuh adalah waktu ideal untuk memberikan nama, majlis cukur jambul dan melaksanakan aqiqah. Hukumnya adalah sunat. Selain itu, hikmah pemilihan hari yang ketujuh adalah kerana pada jarak tujuh hari selepas kelahiran anak memberi peluang kepada ibu bapa membuat keputusan nama yang sesuai untuk anaknya. Tempoh masa itu juga ibu bapa sedang gembira menyambut kelahiran anak dan sebaiknya kegembiraan ini diterjemahkan dengan ucapan syukur kepada Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud

Setiap anak itu ditebus dengan aqiqah yang disembelih pada hari ketujuh. Pada hari itu juga, bayi itu diberikan nama dan juga dicukur





(Sahih Muslim)

iv. Aqiqah

Budaya aqiqah dalam masyarakat Melayu kebanyakannya disekalikan dalam majlis tahnik dan cukur jambul. Majlis ini diadakan merangkumi tiga sunat yang digalakkan apabila menyambut kelahiran bayi. Aqiqah dalam masyarakat Arab pula merujuk kepada haiwan yang disembelih dalam majlis cukur rambut bayi. Aqiqah yang dimaksudkan oleh syarak ialah menyembelih haiwan kerana menyambut kanak-kanak yang baru dilahirkan sebagai tanda kesyukuran kita kepada Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:



Dengan setiap anak, aqiqah disembelihkan kepada seekor kambing bagi menjauhkan kemudaratannya.

(Hadith Riwayat Bukhari)

Walaupun hukumnya adalah sunnah muakkad, ibu bapa melaksanakan aqiqah sebagai tanda syukur kepada pemberian Allah SWT dan mengikut sunnah Nabi Muhammad SAW.

v. Mencukur Rambut





Di antara perkara yang disunatkan kepada bayi yang baharu dilahirkan ialah mencukur rambut. Ini dilakukan sebaik-baiknya pada hari ketujuh selepas dilahirkan, kemudian disunatkan pula bersedekah engan emas atau perak seberat timbangan rambut yang dicukurkan itu kepada fakir miskin jika berkemampuan, atau jika tidak maka atas kadar yang mampu dengan wang atau sebagainya. Rasulullah SAW bersabda ketika mana anaknya Fatimah melahirkan Hassan dan Hussain, baginda bersabda yang bermaksud:

Cukurlah rambutnya sedekahlah seberat timbangan (rambutnya itu) daripada perak

(Riwayat Ahmad)



Terdapat beberapa hikmah disebalik disunatkan mencukur rambut bayi yang baru dilahirkan. Hikmah ini dapat dilihat daripada dua sudut iaitu sudut kesihatan dan dari sudut masyarakat. Dari sudut kesihatan, bercukur dapat menolong menguatkan tenaga pertumbuhannya, menghilangkan selaput kulit kepala dan menolong memberikan daya kekuatan dan ketajaman penglihatan mata, bauan hidung dan pendengaran telinga. Manakala hikmah dari sudut masyarakat pula, ianya dapat dilihat memberi peluang bersedekah dengan timbangan rambut yang dicukur, di samping bersyukur dengan kurniaan cahaya mata, berkesempatan pula menjalinkan kemesraan dan keharmonian. Hakikat ini amat dihargai dan merupakan suatu kepuasan kepada fakir miskin di sekitar kita.

vi. Berkhatan





Perkataan yang tepat mengikut syarak ialah al-Khitan yang berasal daripada perkataan al-khaatan iaitu tempat kemaluan lelaki dan perempuan yang dipotong. Mengikut istilah syarak, khitan bagi orang lelaki ialah memotong qulfah (kulit) yang menutupi hasyafah (kepala zakar) sehingga hasyafah terbuka. Khitan bagi wanita pula ialah memotong sebahagian kulit yang ada di atas saluran air kencing. Terdapat beberapa hikmah di sebalik berkhitan. Antaranya ialah hikmah dari segi agama. Berkhitan ialah salah satu daripada fitrah manusia yang bertepatan dengan syariat. Selain itu khitan juga adalah simbol syiar agama Islam. Selain itu juga dengan berkhitan juga dapat membezakan antara orang Islam dan orang bukan Islam. Hal ini membuktikan bahawa Islam amat mementingkan kebersihan dan kesucian. Manakala dari sudut kesihatan, dengan berkhitan dapat menghindarkan seseorang itu daripada penyakit seperti barah selain memberi kesihatan pada tubuh badan. Selain itu juga berkhitan juga dapat mengelakkan diri daripada penyakit kencing malam.



1.1.4 Kepentingan Adat Dalam Masyarakat Melayu

Banyak kepentingan adat yang terkandung dalam adat masyarakat Melayu sebenarnya. Adat bukan sahaja dapat menghapuskan bibit-bibit konflik diantara ahli-ahli masyarakat yang berbagai darjat, malah ia turut berfungsi sebagai wadah dalam membentuk peribadi dan jati diri bangsa Melayu. Masyarakat Melayu dapat dibezakan dengan dengan masyarakat lain kerana masing-masing mempunyai adat yang tersendiri, unik dan khusus. Secara kesimpulannya, kepentingan adat ini dapat dihayati dalam beberapa perkara seperti yang dinyatakan:





- i. Keseragaman nilai dan norma dalam mewujudkan masyarakat yang berharmoni dan sentiasa hidup dalam jiwa keislaman. Contoh nilai-nilai murni yang menjadi pegangan bersama bangsa Melayu ialah konsep beriman, muafakat, bergotong-royong, budi pekerti, adab, sabar, santun, setia hormat, takzim dan sebagainya.
- ii. Sebagai pelengkap dan penggenap kepada undang-undang syariat. Sebagai contoh undang-undang laut Melaka, undang-undang Palembang, adat Raja-Raja Melayu, adat orang asli sebagainya.
- iii. Sebagai penghias kepada amalan bangsa kita yang dapat menunjukkan kesenian dan nilai estetika yang halus lagi tinggi seperti adat memulangkan sireh junjung sebagai tanda putus pertunangan, adat berpantun semasa majlis meminang dan sebagainya.
- iv. Sebagai kata-kata nasihat yang tersirat dalam ungkapan-ungkapan jenaka dan ringan yang tersurat seperti ‘anak dara jangan menyanyi di dapur nescaya suaminya kelak berpangkat tua (yang tersirat: takut berlaku kemalangan kerana leka bernyanyi), ‘jangan duduk di atas bantal takut nanti tumbuh bisul’(tidak elok alas kepala diletakkan punggung dan sebagainya.
- v. Sebagai pengamal kepada nilai-nilai masyarakat seperti peradaban, santun, adat istiadat Raja-Raja Melayu (iaitu sebagai memuliakan pemerintah sebagai wakil Allah SWT dan Rasulnya).





- vi. Menonjolkan identiti kita sebagai bangsa bertamadun dan berbudaya tinggi kerana ‘Melayu beradat, bangsa berdaulat’. Daripada identiti ini, orang luar dapat menilai apakah bangsa kita, apakah pegangan kita dan apakah amalan kita. Di samping itu juga kekuatan dan kedaulatan bangsa kita juga akan menyerlah.

Kesimpulannya, kerana keunikan fitrah umat Islam itu dan di samping undang-undang Islam yang bersifat universal, hukum adat diterima sebagai satu bentuk perundangan Islam mengikut beberapa syarat yang telah ditetapkan. Hukum adat sesebuah masyarakat Islam itu berperanan sebagai pelengkap kepada perundangan Islam. Malahan jika tidak bercanggah dengan hukum syariat, hukum adat yang bersifat ritualistik dan penghias seperti adat istiadat juga tetap diterima kerana sifat kehalusan, kesenian dan estetikanya dapat memberikan kepuasan kepada masyarakat. Seterusnya, dalam konteks sejarah bangsa Melayu, amalan adat dan syariah terbukti telah dapat membentuk satu bangsa yang beriman, beradab, halus, luhur, beradat dan bermaruah. Kesan darinya lahirlah kekuatan, ketinggian, kemuliaan, kebesaran, keunggulan dan kedaulatan sesebuah bangsa itu.

Dalam masyarakat Melayu itu sendiri, adat yang diamalkan terkandung banyak nilai yang boleh dijadikan pedoman dalam hidup. Adat Melayu kaya dengan nilai-nilai yang sememangnya telah menjadi pedoman hidup masyarakat Melayu sejak zaman berzaman seperti kata perbilangan adat ‘hidup dikandung adat, mati dikandung tanah’. Masyarakat Melayu menjadikan adat sebagai medium untuk mewujudkan harmoni dalam kalangan ahli-ahli masyarakat yang berbeza fahaman dan pendapat. Di samping itu juga melalui adat ini, dapat menonjolkan semangat mementingkan konsep bermasyarakat yang dapat kita lihat seperti di dalam sesebuah majlis perkahwinan.





Telah menjadi adat masyarakat Melayu bergotong royong dan berkerjasama dalam menjayakan majlis tersebut sehingga selesai. Nilai muafakat ini menjadi tunjang kepada cara hidup orang Melayu. Melalui perbincangan maka akan tercapailah satu kata putus dan kesefahaman.

Secara terang-terangan bahawa adat dalam masyarakat Melayu itu kaya dengan nilai-nilai yang seharusnya dipraktikkan oleh masyarakat zaman moden ini. Nilai-nilai ini bukan sahaja penting untuk membentuk keperibadian dan identiti orang Melayu itu sendiri tetapi nilai-nilai ini juga seharusnya dijadikan panduan hidup individu dalam masyarakat Melayu. Nilai dalam adat Melayu ini bukan sahaja kaya dengan ilmu pengajaran, tetapi yang penting sekali nilai tersebut berteraskan agama Islam. Sebenarnya melalui tradisi adat orang Melayu dapat menjamin keharmonian dan kestabilan dalam hubungan sosial orang Melayu dan mereka menyedari pentingnya tradisi adat harus dipertahankan dan mereka sentiasa menyanjung tinggi tradisi adat itu.

Justeru, tidak hairanlah mengapa masyarakat Melayu beranggapan bahawa adat itu tidak bertentangan dengan Islam bahkan ianya selaras dengan nilai-nilai dan kehendak-kehendak Islam. Justeru, setelah dilihat kepada keempat-empat adat tersebut, maka jelaslah bahawa hanya terdapat dua jenis adat yang pada dasarnya tidak berubah iaitu adat yang sebenarnya adat dan adat yang teradat. Manakala dua jenis adat lagi adalah merupakan adat yang mengalami perubahan iaitu adat yang diadatkan dan adat istiadat. Perubahan ini bergantung kepada bentuk perubahan sosial sesebuah masyarakat.

Jelas kita dapat simpulkan bahawa endoi merupakan salah satu adat yang dikategorikan dalam adat istiadat yang mana adat ini selalu diamalkan oleh masyarakat Melayu sejak dari zaman dahulu lagi hasil daripada peraturan hidup daripada muafakat dan musyawarah semua pihak. Kategori adat ini langsung tidak bercanggah dengan





hukum Islam dan ianya boleh diamalkan dan dikekalkan selagi mana ia tidak dicampurkan dengan unsur-unsur yang bertentangan dengan hukum syariat. Di samping itu juga, ia bukanlah adat yang asas, ia boleh berubah dan diubahsuai mengikut perkembangan semasa.

1.1.5 Konsep Dakwah

Islam mengajak manusia menuju kepada kesejahteraan dan keredhaan Allah SWT iaitu dengan cara mengeluarkan mereka daripada kegelapan dan kekufuran kepada cahaya keimanan. Firman Allah SWT bermaksud:

Dengan al-Quran itu Allah SWT menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredhaanNya dan (dengannya)

Tuhan keluarkan mereka dari gelap gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang, dengan izinnya dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus.

(Surah Maidah :16)

Berhubung dengan ayat tersebut dapat dijelaskan bahawa agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dapat menyelamatkan manusia daripada kecelakaan kepada keselamatan dunia dan akhirat. Ia juga dapat mengeluarkan manusia daripada kegelapan akibat pemujaan (Ab Aziz, 2006, ms. 428) berhala dan khurafat kepada cahaya iman yang suci yang jauh daripada belenggu kumpulan agama dan





keduniaan. Ia juga dapat membawa manusia ke jalan yang benar serta menjadi matlamat kepada turunnya agama Islam kepada manusia.

1.1.5.1 Hala Tuju Dakwah

Hala tuju dakwah ini membawa masyarakat ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat melalui pelaksanaan tugas sebagai khalifah di bumi ini. Dakwah juga dapat menghalakan masyarakat kepada umat terbaik, terkuat, tertinggi dan umat termulia dalam kalangan umat yang ada untuk diselaraskan dengan kedudukan Islam yang tertinggi dan termulia. Dengan itu segala usaha untuk membawa masyarakat Islam kepada hala tuju tersebut perlu dilakukan melalui dakwah.

Bagi menjamin kejayaan dakwah pada masa hadapan salah satu syarat paling penting yang mesti dipatuhi ialah penglibatan semua pihak daripada semua kalangan umat Islam di Malaysia dalam bidang masing-masing untuk kepentingan dakwah. Ia hendaklah dijalankan secara bersepadu oleh segenap lapisan masyarakat kerana tugas dakwah ialah tugas semua orang Islam. (Azizan Baharuddin, 2010, ms. 265)





1.1.5.2 Kepentingan Dakwah

Terdapat beberapa kepentingan dakwah yang perlu diketahui oleh semua umat Islam kerana kepentingan ini akan menjadi penentu tanggungjawab seseorang muslim terhadap agamanya (Abdul Aziz, 2005, ms. 78). Antara kepentingan dakwah ialah:

- i. Dapat mewujudkan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.
- ii. Dapat menarik minat lebih ramai orang sama ada Islam atau bukan Islam mendalami agama Islam.
- iii. Dapat memberi kesedaran betapa pentingnya ajaran Islam dalam kehidupan seharian manusia.
- iv. Dapat memperbaiki akhlak manusia yang rosak terutamanya akhlak manusia akhir zaman yang banyak terpesong daripada ajaran Islam.
- v. Dapat mengajar manusia mengenai ajaran Islam yang sebenar.
- vi. Dapat mengajak manusia melakukan kebaikan dan menegah manusia daripada melakukan kemungkaran dengan melaksanakan amar makruf nahi mungkar.





1.1.5.3 Metodologi Dakwah

Metodologi dakwah terbahagi kepada dua iaitu metodologi dakwah Rasulullah SAW dan metodologi dakwah masa kini. Mengikut metodologi yang terdapat pada zaman Rasulullah SAW, terdapat lima kaedah yang dijalankan dalam menyampaikan dakwah iaitu yang pertama seruan yang disampaikan oleh Rasulullah SAW adalah secara sulit selama tiga tahun. Seterusnya, seruan yang disampaikan adalah secara terang-terangan tanpa kekerasan, kaedah yang seterusnya digunakan ialah seruan secara terang-terangan menggunakan senjata untuk mempertahankan diri dan kaedah yang terakhir yang digunakan oleh Rasulullah SAW ialah seruan yang disampaikan secara terang-terangan dan menggunakan senjata bagi yang cuba menghalang (Zuraini Hussein, 1996, ms. 120).



Manakala metodologi yang disampaikan pada masa kini ialah melalui empat kaedah. Kaedah pertama yang boleh digunakan dalam menyampaikan dakwah ialah melalui institusi. Pelbagai institusi yang boleh menjalankan pelbagai aktiviti dalam menyampaikan dakwah seperti Jakim, ABIM, Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri, Yayasan Dakwah Islamiah, Madrasah, Pondok-Pondok serta Sekolah-sekolah agama. Kaedah kedua yang dapat diguna pakai dalam menyampaikan dakwah pada masa kini ialah melalui hiburan. Hiburan merupakan antara unsur fitrah yang diminati ramai pada waktu ini. Antara contoh hiburan yang boleh dijadikan medium dalam menyampaikan dakwah seperti penganjuran konsert islamik yang berlandaskan syariah, deklamasi puisi islamik, majlis-majlis kesyukuran, majlis dikir dan zikir serta konsert amal (Abdul Ghafar Don, 2000, ms. 78).





Seterusnya, dakwah pada masa kini juga menggunakan saluran internet sebagai medium dalam menyampaikan dakwah (Zulkiple Abd Ghani, 2014, ms. 109). Menurut Zulkiple juga, internet merupakan satu bahan yang tidak pernah padam dan ia juga merupakan rangkaian tanpa sempadan yang dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat tidak kira agama, bangsa dan negara.

Kaedah yang terakhir yang boleh diguna pakai dalam menyampaikan dakwah pada masa kini boleh disampaikan melalui penyampaian ceramah. Penganjuran ceramah ini boleh dilakukan oleh pihak kerajaan serta badan berkanun dan badan bukan kerajaan di pelbagai institusi seperti masjid, sekolah dan sebagainya. Penganjuran ceramah ini sebenarnya lebih terbuka kepada orang Islam dan bukan Islam. Peranan media dalam menganjurkan ceramah juga merupakan sumbangan terbesar dalam menyampaikan dakwah seperti Forum Hal Ehwal Islam yang berlangsung di RTM 1, Rancangan Al-Kuliyah yang disiarkan oleh TV3.

1.1.5.4 Jenis-Jenis Dakwah

Jenis-jenis dakwah dapat dibahagikan kepada empat jenis. Jenis dakwah yang pertama dikenali sebagai Dakwah Bil Hal. Dakwah ini bermaksud cara menyampaikan dakwah melalui tingkah laku. Sebagai contoh mengikut perangai atau tingkah laku seseorang yang melakukan perbuatan yang baik seperti bersedekah, bercakap lemah lembut, solat berjemaah dan sebagainya. Jenis dakwah yang kedua ialah Dakwah Bil Mal. Dakwah ini merupakan dakwah yang disampaikan menggunakan gerak kerja seperti melakukan kebaikan berbentuk kebajikan, kewangan dan sumbangan melalui tenaga dan masa. Seterusnya jenis dakwah yang ketiga ialah Dakwah Bil Kutub.





Dakwah ini menggunakan penulisan sebagai medium dalam menyampaikan dakwah. Sebagai contoh kegiatan memikir, mengkaji, merakam dan menulis pengalaman diri hasil daripada pemerhatian. Jenis dakwah yang terakhir ialah Dakwah Bil Lisan. Dakwah Bil Lisan bermaksud dakwah yang disampaikan menggunakan pendekatan penyampaian melalui lisan. Sebagai contoh dapat dilihat melalui penyampaian lirik-lirik lagu, puisi serta penyampaian ceramah.


1.1.5.5 Pendekatan Dalam Dakwah



Berikut merupakan pendekatan dalam menyampaikan dakwah mengikut pendapat

Yusuf al-Qardhawi:





Rajah 1.1. Pendekatan Dakwah Menurut Yusuf al-Qardhawi.

Rajah di atas menunjukkan pendekatan dakwah menurut tokoh Islam termasyhur

iaitu Yusuf al-Qardhawi. Pendekatan dakwah ini menunjukkan sasaran yang sebenar iaitu dakwah yang disampaikan kepada muslim dan bukan muslim. Pendekatan yang disampaikan kepada muslim lebih kepada tiga pendekatan utama iaitu akidah, syariah dan akhlak. Pendapat ini turut disokong oleh Abdul Karim Zaydan yang menyatakan tiga perkara wajib dalam menyampaikan dakwah kepada golongan muslim perlu mengandungi tiga perkara utama iaitu akidah, syariah dan akhlak. (Abdul Karim Zaydan, 2002, ms. 178). Sasaran seterusnya ialah kepada bukan muslim. Dakwah kepada bukan muslim agak rumit kerana mereka sendiri belum memahami apa itu Islam (Yusuf al-Qardhawi, 1985, ms. 298). Lima pengisian yang perlu ada dalam menyampaikan dakwah kepada orang bukan muslim iaitu memperbetulkan salah faham mengenai Islam, menyampaikan dakwah melalui teladan, menyampaikan dakwah melalui lisan, menyampaikan dakwah melalui kebajikan dan yang terakhir



menyampaikan dakwah dengan menegakkan nilai keadilan dan kebenaran dalam masyarakat.

1.1.6 Dakwah Dalam Puisi

Masyarakat Melayu sangat terkenal dengan adat resam sejak zaman berzaman lagi. Walaupun kini teknologi mendasari dalam segala hal, namun sebahagian daripada adat resam ini masih diamalkan di sesetengah tempat. Pegangan yang teguh terhadap adat resam menyebabkan mereka masih mengekalkan amalan tersebut. Mereka telah mencipta panduan hidup melalui tradisi. Nenek moyang masyarakat Melayu banyak meninggalkan khazanah tradisi komunikasi yang tidak diketahui oleh generasi kini.

Sebahagian tradisi komunikasi tersebut terpinggir apabila generasi tua meninggal dunia dan tidak ada generasi pelapis. Salah satu tradisi yang masih dipertahankan ialah tradisi puisi tradisional.

Puisi merupakan satu bentuk kesusasteraan Melayu tradisional yang terdiri daripada pelbagai genre atau bentuk. Puisi ini meliputi pantun, teromba, peribahasa, teka-teki, mantera dan prosa berirama, syair dan sebagainya. Melalui puisi inilah juga segala panduan dan peraturan hidup diperturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Keadaan ini menjadikan kedudukan puisi amat akrab dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Maka tidak hairanlah apabila mereka dapat menghasilkan begitu banyak puisi-puisi tradisional yang berkualiti untuk memudahkan kehidupan mereka.





Puisi Melayu dalam pelbagai genre yang diwarisi oleh masyarakat Melayu hari ini tidak terhitung banyaknya. Warisan ini merupakan pusaka bangsa Melayu yang mengandungi nilai peradaban yang sangat tinggi, unik dan sangat luar biasa. Keanekaragaman genre dan bentuknya pula memberi gambaran bahasa, masyarakat Melayu zaman silam hidup dengan latar kehidupan yang sangat harmonis, rukun dan beretika (Abdul Halim Ali, 2006, ms. 1).

Dalam hal ini, masyarakat Melayu telah menggunakan tradisi berpuisi sebagai cara meluahkan perasaan mereka. Melalui tradisi ini juga, segala panduan dan tatacara hidup diperturunkan dari satu generasi ke generasi. Keadaan ini menjadikan kedudukan puisi amat akrab dalam kehidupan masyarakat Melayu. Maka tidak hairanlah mereka mencipta pelbagai jenis puisi yang mengandungi pelbagai jenis nasihat serta panduan hidup.



Walaupun betapa canggihnya tamadun sesuatu bangsa itu, ia memerlukan sastera untuk merakam kehidupannya, menggalurkan lorong dan arahnya dan mengharapkan sasterawan untuk memberi pendapat tentangnya. Pengarang adalah penyumbang penting yang dapat memberikan imbang bukan sahaja kepada dunia seseorang atau sesebuah negara tetapi juga kepada individu pembaca yang sering sesat dalam dunia yang rumit. (Muhammad Haji Salleh: 1999)

Jelaslah di sini, walaupun dunia semakin maju, namun sesebuah bangsa masih memerlukan adat resam yang dibawa sejak zaman dahulu bagi mengimbangi kehidupan mereka. Banyak unsur nasihat dan teladan yang boleh diikuti melalui adat dalam





masyarakat Melayu. Pendapat tersebut turut disokong oleh Mohd Rosli Saludin (2007, ms. 6).

Orang tua-tua ada mengatakan bahawa melalui puisi Melayu tradisional banyak makna yang tersimpan atau dikatakan di dalam pantun banyak makna yang terhimpun, di dalam pepatah banyaklah faedah, di dalam bidal banyaklah bekal, di dalam ibarat banyaklah isyarat, di dalam perumpamaan banyaklah pedoman, di dalam gurindam banyaklah rahsia terpendam, di dalam teromba banyak aturan dinyatakan dan seterusnya.

Puisi dalam masyarakat Melayu merupakan sebahagian daripada tradisi lisan yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita pada suatu ketika dahulu. Ianya juga merupakan tradisi lisan dari kebudayaan yang tumbuh dan berkembang di tengah-tengah masyarakat dan diwariskan secara turun temurun serta disebarkan secara lisan.

Berbicara mengenai puisi, sebenarnya kita sedang membicarakan suatu aspek yang sangat luas, penuh dengan unsur menakjubkan dan mengagumkan. Puisi- puisi ini memperlihatkan perkembangan dan liku-liku sejarah peradaban kehidupan masyarakat yang melahirkannya, lingkungan pengaruh di sekelilingnya, masyarakat yang menuturkannya dan kekreatifan masyarakatnya. Puisi lisan merupakan sebahagian daripada tradisi yang berkembang di tengah masyarakat yang menggunakan bahasa sebagai media utama. Puisi-puisi ini juga menjadi bahan yang digunakan dalam kehidupan masyarakat Melayu dan nilainya kekal hingga ke hari ini, Salah satu puisi lisan yang masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat ialah puisi Endoi. Endoi juga merupakan kesenian Melayu berbentuk hiburan yang mengandungi unsur-unsur dakwah yang disampaikan secara lisan (nyanyian).





Terdapat beberapa pendapat tokoh tentang betapa besarnya peranan puisi dalam kehidupan masyarakat. Bentuk komunikasi puisi cuba mengekspreskan pemikiran yang membangkitkan perasaan yang mengusik imaginasi menerusi pancaindera dan ini berlainan dengan cara prosa yang lebih merupakan antitesis puisi iaitu satu ekspresi pemikiran yang bersifat logik yang menyoroti sebab akibat menerusi intelek (Shahnon Ahmad, 1978, ms. 4). Oleh sebab irama adalah satu ekspresi emosi yang natural, puisi dinyatakan dalam bentuk verse. Sesuatu yang hanya menyatakan fakta atau statement yang begitu sahaja tanpa membangkitkan emosi atau imaginasi bukanlah puisi yang unggul. Puisi adalah untuk kita merasai sesuatu sedangkan prosa lebih untuk memahami sesuatu.

Dakwah bermaksud “mengajak pada kebajikan”. Manusia yang mengajak pada kebajikan serta yang diajak menuju kebajikan. Sepertimana yang kita ketahui, puisi tradisional merupakan medium dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat khususnya kepada kanak-kanak pada hari ini kerana kandungannya banyak menyentuh nilai-nilai intrinsik dan ekstrinsik. Ia sangat bertepatan dengan konsep hiburan yang diterima dalam kalangan masyarakat Melayu dan tidak bercanggah dengan agama Islam itu sendiri. Pembangunan modal insan dalam masyarakat dapat melahirkan individu khasnya dan generasi amnya yang kaya serta sarat dengan nilai-nilai murni. Insan-insan ini memiliki personaliti unggul dan akan menentukan hala tuju negara pada masa akan datang. Maka, salah satu fungsi puisi Melayu juga dapat memainkan peranan dalam menerapkan serta mengaplikasikan nilai-nilai tersebut dalam masyarakat.

Berbicara mengenai puisi Melayu tradisional sebenarnya tidak terlepas daripada berbicara mengenai pendidikan yang terkandung di dalamnya. Banyak puisi-puisi Melayu menjadi bahan rujukan serta bahan pendidikan kerana lirik-lirik dalam puisi





Melayu tradisional sebenarnya kaya dengan unsur-unsur pendidikan yang mampu dijadikan contoh dalam kehidupan seharian. Justeru puisi tradisional atau hiburan digunakan sebagai unsur menyampaikan amal makruf nahi mungkar kepada masyarakat. Lirik puisi memberi kesan yang besar pada jiwa manusia disebabkan susunan ayat dan penggunaan kalimah yang berbeza dan berlainan dengan amalan biasa. Dengan bahasa yang cantik, mesej yang disampaikan sangat mendalam untuk membangkitkan hati pendengar kepadanya. Disebabkan peranan puisi yang besar pada jiwa manusia, Islam menggunakannya sebagai satu uslub dalam dakwah, terutamanya pada peringkat awal Islam dahulu (Ab. Aziz Mohd Zin, 2005, ms. 166).

Puisi adalah bentuk kesusasteraan yang paling tua. Karya-karya besar dunia yang bersifat monomental ditulis dalam bentuk puisi. Puisi tidak hanya dipergunakan untuk penulisan karya-karya besar namun ternyata puisi yang segala erat kaitannya dalam kehidupan kita sehari-hari. Menurutny lagi dunia telah dipindah dengan adanya puisi. Nyanyian-nyanyiannya yang kita dengarkan tidaklah semata-mata hanya lagunya yang indah, tetapi terlebih lagi isi puisinya mampu menghibur manusia (Herman J. Waluyo, 1987, ms. 34).

Justeru dapat disimpulkan bahawa salah satu kaedah dakwah menggunakan puisi tradisional atau hiburan sebagai unsur menyampaikan amar makruf nahi mungkar kepada masyarakat. Kesimpulannya, dakwah juga dapat ditakrifkan sebagai satu kegiatan seruan bagi tujuan membawa manusia kepada kebahagiaan, keadilan dan kemakmuran yang matlamat akhirnya mencapai keredhaan Allah SWT dalam kehidupan. Dakwah merupakan suatu usaha untuk mengajak, menyeru, dan mempengaruhi manusia agar selalu berpegang pada ajaran Allah SWT untuk memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat. Usaha mengajak dan mempengaruhi





manusia agar pindah dari satu situasi ke situasi yang lain iaitu dari situasi yang jauh dari ajaran Allah SWT menuju situasi yang sesuai dengan petunjuk dan ajaran Allah SWT, adalah merupakan kewajiban bagi kaum muslimin dan muslimat. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhan-mulah yang lebih mengetahui siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

(Surah Nahl: 125)

Kesimpulannya orang-orang yang hanya mementingkan kepentingan peribadi dan mengabaikan tugas terhadap amar makruf nahi mungkar akan menerima seksaan Allah SWT baik di dunia atau di akhirat. Sesungguhnya mereka itu termasuk orang-orang yang mendustakan agama, sejahat-jahat manusia dan mendapat kutukan Allah SWT, bersesuaian dengan beberapa Firman Allah SWT dan sabda Rasulullah SAW itu tadi di mana setiap orang muslim tidak kira golongan, profesion atau pangkat dan kedudukan, di mana dan bila masa sekalipun tidak pernah terlepas daripada tanggung jawab untuk menjalankan tugas berdakwah, ini termasuklah tugas sasterawan (Ani Hj Omar, 2011, ms. 147). Fungsi kesusasteraan sebagai media dakwah Islamiah merupakan fungsi utama dan paling asas. Kesusasteraan menjadi media utama penyebaran dakwah Islamiah kerana hubungan sasterawan dengan kesusasteraan atau karyanya. Sebagai seorang muslim, sejak awal lagi tidak pernah terlepas daripada tanggungjawab dan amanah untuk menyebarkan dakwah Islamiah mengikut kadar kemampuan, kuasa, ilmu, media dan kedudukan masing-masing.





1.1.7 Peranan Puisi Dalam Membentuk Masyarakat Berilmu dan Beramal Dengan Ajaran Islam

Manusia diciptakan oleh Allah SWT dengan sebaik-baik kejadian dan dikurniakan akal fikiran yang membezakan manusia dengan makhluk lain. Dengan kesempurnaan yang Allah SWT kurniakan kepada manusia ini, kita telah diberi tanggung jawab dan amanah oleh Allah SWT sebagai khalifah untuk mentadbir muka bumi ini. Oleh yang demikian, sewajarnya manusia bertindak untuk meninggikan martabat Islam di bumi Allah SWT ini dan meningkatkan nilai-nilai keimanan dan ketakwaan kepada penganutnya.

Kefahaman yang jelas kepada Islam perlu diperluaskan kepada seluruh masyarakat terutamanya umat Islam sendiri yang masih lemah akar keimanannya. Kemurnian Islam tidak akan tertegak dengan laungan semata-mata, tetapi ia perlu kepada strategi yang sistematik dan berkesan dalam membentuk sesebuah masyarakat Islam yang unggul dan mampu memperjuangkan dan meletakkan Islam pada kedudukan yang termulia.

Kefahaman yang sebenar terhadap Islam sangat penting kerana ia akan membentuk keyakinan terhadap keunggulan Islam bahawa ia satu-satunya sistem yang mempunyai keistimewaan yang datangnya daripada Allah SWT dan mampu memberi penyelesaian terhadap permasalahan umat serta memajukan tamadun dunia kini. Kefahaman terhadap konsep asas Islam seperti akidah, syariah dan akhlak serta peranan Islam dalam kehidupan masyarakat khususnya dalam kehidupan moden perlu diperkembangkan kerana kini dalam kalangan umat Islam sendiri sangat kurang memahami Islam sebagai satu cara hidup lantaran hebatnya kesan fahaman sekular dan





liberal yang melanda alam pemikiran umat manusia (Rashid Muhammad, 1993, ms. 72).

Melihat kepada perkembangan pembangunan negara yang turut mempengaruhi dunia pendidikan. Seajar dengan ledakan teknologi maklumat dan pencapaian negara khususnya dalam mempertingkatkan penguasaan ilmu, beberapa pihak yang mencintai dunia seni khususnya dunia puisi tidak sepatutnya ketinggalan menggunakan peluang keemasan ini untuk memainkan peranannya sendiri.

Menyedari hakikat ini, puisi sebagai salah satu penggerak penting dalam perhubungan masyarakat boleh berperanan dalam melaksanakan tanggung jawab fardu kifayah ini. Selaras dengan fungsinya sebagai penghibur, pendidik, pembentuk suatu budaya dan sebagainya maka ia boleh merubah dan menggerakkan masyarakat supaya kembali memahami ajaran Islam sebenar.

Puisi memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Antara fungsi yang dapat dilihat antaranya ialah ianya digunakan sebagai alat untuk menyampaikan nasihat dan pengajaran secara tidak formal yang selalunya berunsurkan bibit-bibit psikologi yang agak lembut. Selain itu juga ia berfungsi sebagai alat untuk merakamkan peristiwa-peristiwa yang terjadi pada zaman lampau. Meskipun gambarannya tidak begitu lengkap, paling sedikitpun terdapat nama-nama tempat dan tokoh-tokoh yang disebutkan dapat dijadikan sebagai petunjuk di mana peristiwa itu terjadi.

Seterusnya puisi Melayu juga berfungsi sebagai alat untuk menyebarkan ajaran agama Islam. Ini dapat dilihat pada tema-tema puisi yang kebanyakan bertemakan





agama dan pedoman hidup yang disampaikan dalam puisi melalui watak manusia, binatang dan sebagainya. Antara salah satu puisi yang masih mendapat tempat serta diamalkan dalam masyarakat Melayu ialah puisi Endoi. Persembahan Endoi ini merupakan seni budaya Islam dalam masyarakat Melayu. Lirik-lirik lagu Endoi jelas menunjukkan pengaruh Islam. Endoi merupakan salah satu puisi yang dikategorikan sebagai puisi tumpangan. Puisi tumpangan adalah nama yang diberikan kepada karya-karya puisi Melayu tradisional yang tidak mempunyai ciri-ciri yang khusus, melainkan menumpang bentuknya pada bentuk-bentuk puisi lain. Meskipun menumpang pada bentuk puisi lain, karya puisi ini mendokong isi atau kandungan yang berbeza dengan isi kandungan puisi yang ditumpanginya.

Harun Mat Piah menjelaskan bahawa Endoi bukanlah satu genre yang terasing malah dianggap sebagai syair atau variasi dalam penggunaan syair kerana Endoi memiliki ciri yang ada pada sebuah syair (Harun Mat Piah, 1987, ms. 71). Penjelasan ini turut dipersetujui oleh Abdul Halim (2013, ms. 120). Beliau menjelaskan puisi Endoi ini menumpang bentuk syair. Meskipun karya puisi ini menumpang pada bentuk puisi lain namun isinya berbeza sama sekali

1.2 Latar Belakang Kajian

Penyebaran dakwah yang berkesan adalah apabila ia mampu mempengaruhi khalayak sasaran. Oleh itu dakwah bukan sekadar seruan terhadap Islam semata-mata tetapi ia perlu disampaikan dengan teknik dan cara yang bersesuaian dengan tahap sasaran. Aspek-aspek ini penting untuk menarik perhatian sasaran agar mereka suka mendengar dakwah yang disampaikan lantas menerima mesej-mesej tersebut dengan lebih mudah





dan menyenangkan. Lantas pendakwah perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan ilmu berkaitan metodologi dakwah agar dakwah yang disampaikan memberi kesan kepada sasaran.

Mohamed Asin Dollah (2004, ms. 56), menyatakan bahawa seruan dakwah perlu memberi penekanan terhadap usaha mempengaruhi hati dan akal khalayak sasaran. Tumpuan ini dilakukan untuk mempengaruhi khalayak sasaran dan dalam masa yang sama tidak mengabaikan strategi dakwah yang lain. Oleh yang demikian suatu program serta merangka satu perancangan yang menarik dan sesuai dengan sifat semula jadi akal dan jiwa masyarakat Melayu pada masa kini.

Kepesatan pembangunan dunia dengan teknologi maklumat hari ini telah menjadikan bumi seperti sebuah perkampungan global di mana kemampuan untuk mengawal kemasukan unsur-unsur negatif dari barat terhadap rantau ini menjadi begitu sukar. Lihat sahaja kepada masyarakat pada hari ini hidup berlandaskan budaya barat, malah lebih barat dari orang barat itu sendiri. Oleh itu, apa yang mampu dilakukan ialah dengan memberi panduan dan ilmu bagi meningkatkan jati diri sebagai umat Islam dan menanam nilai integriti yang mantap dalam diri setiap masyarakat serta menyemai dan membajai penghayatan terhadap 'Islam Is The Way Of Life'. Ia haruslah menghalu ke arah pembentukan atau identiti masyarakat Islam yang mempunyai satu hala tuju bersama disamping memupuk nilai-nilai ihsan bagi melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab dan disegani.

Naluri seorang manusia secara fitrahnya sangat menyukai dan menyenangi keindahan, kebaikan dan hiburan. Maka, untuk memenuhi fitrah semula jadi manusia ini, keindahan, kebaikan dan hiburan digabungkan lantas terhasillah sesuatu yang





diistilahkan sebagai seni. Seni merupakan keindahan dan kenikmatan yang sentiasa mendapat tempat di dalam jiwa manusia. Buktinya kehidupan manusia sentiasa diwarnai dengan pelbagai jenis cabang kesenian yang sebenarnya merupakan balikan daripada kehidupan manusia sendiri. Kita boleh melihat betapa manusia sangat mencintai seni apabila hampir keseluruhan aspek kehidupan diterjemahkan kepada pelbagai bentuk kesenian. Contohnya hasil seni lukis merupakan manifestasi daripada suatu emosi, pengalaman dan idea yang digarap daripada persekitaran kehidupan. Begitu juga dengan seni muzik dan lagu. Irama dan lirik yang terhasil adalah kerahan idea yang melibatkan perasaan sang pencipta lagu ketika itu dengan gabungan pengalaman yang dilalui dalam kehidupannya. Begitu juga dengan seni yang lain, kesemuanya merupakan terjemahan daripada arus perjalanan manusia sejagat di bumi ini.



Dalam Islam, berasaskan kesyumulannya, seni mempunyai kedudukan tersendiri yang istimewa. Ini kerana Allah SWT maha mengetahui fitrah manusia maka Dia menjadikan seni sebahagian daripada intipati penting dalam Islam. Islam telah menyatakan dengan jelas tentang konsep seni yang dapat memenuhi tuntutan fitrah manusia tanpa wujud sebarang pengabaian ajaran Islam walau sedikit pun. Melihat kepada sifat-sifat seni yang berkait rapat dengan kehidupan manusia dan dapat mempengaruhi pemikiran serta tingkah laku manusia. Maka sifat ini menjadi daya penarik utama untuk dijadikan seni sebagai salah satu medium dalam membentuk masyarakat. Antara cabang seni yang mampu dijadikan tarikan dan tumpuan utama masyarakat ialah puisi.





1.3 Permasalahan Kajian

Islam merupakan agama universal yang tidak menghalang sebarang bentuk, teknik dan pendekatan terbaru. Oleh yang demikian, Islam tidak menghadkan mekanisme yang perlu digunakan untuk menyalurkan dakwah, asalkan kaedah tersebut tidak menghina dan menjatuhkan roh dan kesucian Islam. Pemilihan puisi sebagai medium dakwah merupakan antara wasilah yang berpotensi untuk menyalurkan mesej kepada masyarakat.

Sebagai sebuah karya seni, puisi merupakan produk yang mudah untuk mendekati masyarakat kerana puisi merupakan hasil idea manusia yang diilhamkan daripada kehidupan seharian mereka. Puisi juga antara neraca yang boleh digunakan untuk melihat sejauh mana trend dan perkembangan sesuatu masyarakat dalam menangani sesuatu situasi. Hal ini menunjukkan puisi merupakan sebuah medium sangat dekat dengan masyarakat. Maka, tidak menjadi satu kesalahan bagi pendakwah untuk menjadikan sebahagian puisi sebagai alat untuk berkomunikasi dengan sasaran dengan tujuan untuk nasihat-menasihati.

Puisi Endoi ini merupakan salah satu puisi yang dianggap unik. Ia digunakan dalam budaya masyarakat Melayu khususnya di negeri-negeri utara. Walaupun ianya bukan satu kewajipan dalam agama Islam, namun ia masih dikekalkan hanya sebagai adat kerana ianya tidak bercanggah dengan agama itu sendiri.

Setelah diteliti, unsur-unsur intrinsik dan ekstrinsik seperti nilai dakwah yang terkandung dalam lirik puisi ini cukup menepati ciri-ciri keistimewaan yang perlu disebar luaskan kepada umum. Di samping itu, dapat memperlihatkan betapa





pentingnya dakwah diterapkan kepada masyarakat sejak kecil lagi. Sesuai dengan konsep sastra sebagai wadah atau sarana dalam menyampaikan pengajaran, bimbingan dan panduan, hampir semua hasil sastra mengandung mesej dan matlamat ke arah itu. Mana Sikana (1985, ms. 142), menjelaskan bahawa persoalan utama yang perlu dititikberatkan dalam sesebuah karya ialah isi kandungan atau mesej Islam.

Selain itu, puisi ini juga bukan puisi pilihan para pengkaji berbanding pantun, sajak dan syair. Hanya sedikit sahaja puisi endoi ini disentuh dalam sesetengah buku sementelah lirik puisi juga dilihat agak terhad kepada lirik yang diterbitkan sedangkan lirik-lirik puisi endoi banyak dimiliki oleh kumpulan-kumpulan yang aktif menjalankan budaya berendoi disesetengah tempat. Menurut responden Ustaz Fauzi bin Salleh (Kumpulan Al-Falah) selaku ketua kumpulan yang aktif menjalankan budaya berendoi di sekitar Perak, Kedah dan Perlis juga turut mengakui bahawa lirik puisi endoi yang dinyanyikan ini sarat dengan unsur dakwah yang sangat penting untuk disampaikan kepada masyarakat. Selain itu juga menurut beberapa pendapat beberapa orang ahli kumpulan berendoi juga mengagumi dan tertarik dengan lirik puisi ini yang kaya dengan unsur keindahan yang perlu ditonjolkan kepada masyarakat.

Sikap masyarakat Melayu itu sendiri kurang berminat untuk membicarakan tentang puisi Endoi. Seterusnya jika tidak dikaji, maka terlepaslah pengetahuan tentang nilai-nilai yang terkandung dalam puisi endoi. Berdasarkan permasalahan yang timbul ini juga, kajian ini penting dilakukan kerana menurut Hashim Awang (1984, ms. 45), setiap karya sastra yang dihasilkan akan memperlihatkan kehidupan manusia dan suasana pada zamannya. Menyedari hakikat ini, kajian ini dilakukan demi memartabatkan semula puisi Endoi dalam masyarakat Melayu hari ini. Jika tidak diperkenalkan kepada generasi muda, ianya pasti lenyap ditelan arus kemodenan.





Alangkah ruginya masyarakat Melayu jika puisi ini tidak diwarisi kepada generasi hari ini.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu:

- i. Menjelaskan ciri-ciri puisi Endoi sebagai medium dakwah.
- ii. Menghuraikan kedudukan lirik puisi Endoi berdasarkan perspektif akidah, syariah dan akhlak berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu dan Konsep Dakwah menurut Yusuf al-Qardhawi.
- iii. Menganalisis keindahan dakwah dalam lirik puisi berdasarkan konsep Ibnu Khaldun.



1.5 Soalan Kajian

- i. Apakah ciri-ciri penting yang membuktikan puisi Endoi sebagai medium dalam menyampaikan dakwah?





- ii. Bagaimanakah kandungan dakwah dikaji dalam lirik puisi Endoi berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan dalam Teori Pengkaedahan Melayu dan Konsep Dakwah Yusuf al-Qardhawi?
- iii. Apakah keindahan dakwah yang terkandung dalam lirik puisi Endoi berdasarkan Konsep Ibnu Khaldun?

1.6 Kepentingan Kajian

Puisi Endoi memainkan peranan penting dalam masyarakat Melayu. Ia berpotensi menjadi wahana penting untuk membina akhlak dan sahsiah yang mulia dalam kalangan masyarakat Melayu. Ia mengandungi pelbagai mesej yang memerlukan anggota masyarakat berfikir untuk memahaminya. Selain itu juga, puisi ini juga merupakan instrumen media komunikasi yang berupaya menyalurkan mesej dan maklumat yang pelbagai kepada masyarakat. Peranannya tidak terhad sebagai alat hiburan, malah ia juga boleh menyalurkan maklumat Islam menerusi teknik yang sangat berkesan supaya sasaran mampu menyerap idea yang disalurkan lantas mampu mempengaruhi cara berfikir dan bertindak sebagaimana yang disarankan dalam Islam. Secara tidak langsung, melaluinya dapat meningkatkan perkembangan intelek, rohani dan emosi masyarakat hari ini. Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan. Umumnya kajian ini ditujukan kepada para pengkaji, pelajar dan mereka yang mendukung dan mencintai dunia puisi Melayu. Juga khusus buat masyarakat Melayu yang masih belum menyedari tentang nilai-nilai yang terkandung dalam salah satu puisi Melayu ini.





Selain itu, hasil kajian ini mampu menjadi medium benteng sosial kepada generasi muda pada hari ini. Ini adalah kerana nilai-nilai yang terkandung dapat dijadikan contoh kepada mereka dalam meneruskan kehidupan yang akan lebih mencabar pada masa akan datang. Hal ini sedikit sebanyak mempengaruhi oleh sumber-sumber lain dalam usaha membentuk jati diri Melayu yang unggul berasaskan karya Melayu iaitu puisi Endoi. Kajian ini juga diperkukuhkan lagi dengan bersumberkan al-Quran dan Hadis.

Pemilihan mesej yang sesuai dan menepati kehendak Islam amat penting dalam mempengaruhi masyarakat. Aspek inilah yang menjadi ciri penting dalam sesebuah puisi. Ia tidak dihasilkan sekadar untuk memberi hiburan dan mengaut keuntungan semata-mata, tetapi penghasilannya mendorong masyarakat untuk memahami Islam dari kaca mata yang sebenar tanpa prejudis. Mana Sikana (1985, ms. 133) menyatakan bahawa teori kritikan sastera Islam sangat menekankan aspek isi atau mesej. Beliau sendiri mengambil contoh tindakan Nabi Muhammad SAW yang sangat memberatkan isi kandungan syair yang dapat memberi pengaruh serta mengajak manusia ke arah kebaikan dan meninggalkan kemungkaran sebagai unsur utama dalam kesenian. Isi karya yang dapat membentuk ufuk pemikiran manusia serta mampu menjadi jambatan untuk menuju kehidupan akhirat merupakan mesej yang perlu diutamakan dalam setiap naskhah kesenian dan sastera dan ini termasuk juga unsur yang perlu diutamakan dalam sesebuah puisi. Oleh itu kajian ini boleh dijadikan asas untuk memahami konsep, isi kandungan, dakwah, tema, pemikiran dan tujuan dalam mengenali sebuah naskhah yang menyeru kepada kebaikan.

Di samping itu juga, puisi Endoi semakin terpinggir berbanding puisi-puisi yang sering menjadi pilihan pengkaji seperti pantun dan syair. Maka kajian ini menjadi



kepentingan umum dan menjadi usaha untuk mendalami dan menghargai puisi Endoi terutamanya sebagai khazanah bangsa Melayu yang tulen dan boleh dikatakan unik dan mempunyai rahsia yang tersembunyi seperti nilai, estetika serta cara hidup masyarakat Melayu. Oleh itu puisi Endoi yang dijalankan dalam majlis naik buai dalam masyarakat Melayu sangat relevan diteruskan dan dikembangkan oleh generasi akan datang sampai bila-bila.

1.7 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan merupakan kajian teks iaitu lirik-lirik puisi Endoi yang terdapat di salah sebuah daerah dalam negeri Perak iaitu daerah Kuala Kangsar dan negeri Kedah. Terdapat beberapa buah kampung di dalam mukim ini yang sangat aktif menjalankan tradisi berendoi ini. Selain itu juga, kumpulan-kumpulan ini turut menyertai pertandingan menyanyikan puisi endoi yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Pengupayaan Wanita Negeri Perak dan Kerajaan Negeri Kedah. Pengkaji mendapati setiap lirik berbeza namun mempunyai tujuan yang sama. Sumber asal lirik Endoi ini adalah yang ditentukan oleh kumpulan masing-masing yang diketuai oleh seorang ketua. Pemilihan lirik dari dua buah negeri ini dipilih kerana negeri Perak dan Kedah mewakili negeri-negeri utara sangat aktif menjalankan budaya berendoi ini. Selain itu juga, pemilihan ini di buat berdasarkan penyertaan aktif dua buah kumpulan dari dua buah negeri iaitu Perak dan Kedah yang selalu menyertai pertandingan yang dijalankan diperingkat negeri.

Penggunaan kaedah analisis kandungan teks sahaja diutamakan dalam kajian ini. Batasan kajian ini kajian ini memperlihatkan salah satu pendekatan yang digunakan



dalam pendekatan dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang diguna pakai untuk menganalisis unsur-unsur dakwah dalam lirik puisi Endoi. Selain itu fokus utama penulis adalah berkisar tentang unsur keindahan lirik menurut konsep Ibnu Khaldun yang terdapat dalam lirik puisi tersebut. Penerapan unsur-unsur dakwah yang termuat akan dikaji untuk melihat adakah ia memaparkan skop yang menyeluruh terhadap kehidupan manusia sejagat dalam menjadikan Islam sebagai cara hidup.

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional ini dikemukakan bagi memudahkan kefahaman dan memastikan kajian ini tidak menyimpang daripada landasan, hala tuju dan skop penelitian.



1.8.1 Pengertian Dakwah

Pengertian dakwah dalam kajian ini melihat dari sudut pelbagai pendapat terutama pendapat tokoh-tokoh agama. Dalam pengertian yang pertama, pendapat Yusuf al-Qardhawi mengatakan definisi dakwah sebagai usaha membawa orang lain kepada agama Islam, supaya mengikut petunjuk agama ini, melaksanakan segala ketetapanannya di muka bumi ini, mengkhususkan segala bentuk penghamabaaan diri, permohonan dan taat kepada Allah sahaja, melepaskan diri dari segala kongkongan yang bukan daripada Allah SWT (taghut) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang lain yang ditentukan hak oleh Allah SWT, menyeru kepada kebaikan dan mencegah segala kemungkaran, dan berjihad pada jalan-Nya. Dalam menyampaikan dakwah, menurut beliau juga, sesebuah penyampaian itu hendaklah menepati tiga syarat utama iaitu isi





kandungan yang hendak disampaikan menepati unsur akidah, syariah dan akhlak Yusuf al-Qardhawi, 1978, ms. 5).

Manakala pendapat tokoh agama iaitu Adam Abdullah al-Auri dalam kitabnya Tarikh al-Dakwah al-Islamiyah baina al-Ams ila al-Yaum menjelaskan bahawa dakwah ialah memalingkan pandangan dan pemikiran manusia kepada pandangan dan pemikiran yang berdasarkan akidah, kerana dakwah merupakan satu seruan bagi menyelamatkan manusia daripada kesesatan yang hampir-hampir meraka terjerumus kedalamnya (Adam Abdullah al-Aluri, 1989, ms.17).

Seterusnya pendapat Abu al-Majd al-Sayyid Nawfal (1977, ms. 18) menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan dakwah itu ialah usaha golongan yang mempunyai kemampuan memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada sasaran untuk membawa mereka kepada Islam dan menjauhkan mereka daripada kepercayaan selain kepada Allah SWT dengan cara-cara tertentu. Selain itu juga, menyeru dan membimbing, mendidik dan sebagainya serta meyakinkan secara baik dalam usaha mempengaruhi orang lain supaya menyedari (menghayati) dan mengamalkan ajaran agama yang sebenarnya (Kamus Dewan, Edisi Baru, 1994, hlm. 244). Allah SWT menuntut manusia berdakwah melalui ayat yang bermaksud:

Dan tetap tekunlah engkau memberi peringatan kerana sesungguhnya peringatan itu mendatangkan faedah kepada orang-orang yang beriman

(Surah Dzaariyat: 55)





Dakwah dalam kajian ini mengambil kira dua pendapat tokoh iaitu dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang dan diperkukuhkan lagi dengan konsep dakwah menurut Yusuf al-Qardhawi. Dua pendapat ini dipegang bagi melihat dakwah yang terkandung dalam salah satu warisan masyarakat Melayu iaitu menerusi pendekatan dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu dan melihat dakwah dari sudut pandangan Islam menurut konsep Yusuf al-Qardhawi.

Salah satu kewajiban umat muslim adalah berdakwah. Sebahagian ulama ada yang menyebut berdakwah itu hukumnya fardu kifayah, sebahagian lainnya menyatakan fardu 'ain. Walau bagaimanapun, Rasulullah SAW tetap selalu berpesan agar seorang muslim selalu menyeru pada jalan kebaikan dengan cara-cara yang baik. Allah SWT berfirman yang bermaksud:



Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

(Surah Nahl:125)

Mesej dakwah bermaksud intipati yang terkandung di bawah bahagian kandungan yang terdiri daripada tiga elemen penting iaitu akidah, syariah dan akhlak. Mesej dakwah ini terletak di bawah ketiga-tiga elemen tersebut sebagai contoh mesej dakwah yang terkandung di bawah aspek akidah ialah kepercayaan kepada tuhan, kepercayaan kepada Nabi dan sebagainya. Mesej dakwah di bawah aspek syariah pula seperti kewajipan menunaikan solat, puasa, perkahwinan dan sebagainya. Manakala





mesej dakwah yang terkandung di bawah aspek akhlak pula ialah menghormati ibu bapa, amar makruf nahi mungkar, kasih sayang dan sebagainya.

Jika kita melihat ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah SAW, kita akan banyak menemukan keutamaan dakwah yang luar biasa. Dengan mengetahui, memahami, dan menghayati keutamaan dakwah ini seorang muslim akan berasa terpacu secara kuat untuk melakukan dakwah di manapun ia berada. Dalam kehidupan bermasyarakat, khususnya kehidupan umat Islam, telah diketahui bahawa dakwah mempunyai kedudukan yang amat penting. Dengan dakwah, dapat disampaikan serta dijelaskan mengenai ajaran Islam kepada masyarakat dan umat sehingga mereka dapat mengetahui mana yang benar (haq) dan mana yang salah (batil). Peranan dakwah bukan hanya terbatas agar umat dapat mengetahui dan membezakan, malah dakwah juga dapat mempengaruhi masyarakat untuk melaksanakan hal-hal yang baik serta dapat menjauhi apa saja yang tidak benar yang terjadi dalam masyarakat. Sekiranya ini dapat diwujudkan dalam masyarakat Islam, sudah tentu hasrat kehidupan yang baik di dunia dan di akhirat dapat dicapai.

1.8.2 Endoi

Endoi adalah satu bentuk nyanyian yang akan dilagukan untuk mengiringi upacara naik buai. Upacara ini merupakan salah satu adat istiadat Melayu. Kata-kata dan ungkapan dalam nyanyian tersebut dinamakan puisi endoi (Mutiara Sastra Melayu Tradisional, 2010, ms. 235). Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang amat berpegang teguh kepada adat resam dan tradisi mereka. Dalam kehidupan seharian, ia banyak melibatkan norma-norma hidup, peraturan, tradisi dan pantang larang yang wajib dipatuhi.





Pengabaian terhadap adat resam itu dianggap sebagai satu kesilapan besar sehingga boleh mengakibatkan jatuhnya status atau maruah si pelaku mahupun keluarganya, endoi berasal daripada perkataan endul yang bermaksud buaian. Endoi merupakan tradisi lisan yang berbentuk perbuatan yang disambut oleh masyarakat Melayu dalam majlis keramaian seperti kenduri kahwin, mencukur rambut dan sebagai memeriahkan suasana.

Manakala menurut R.J. Wilkinson (1984, ms. 47), Endoi membawa maksud buaian, dan istiadat berendoi ialah istiadat membuai anak kecil menurut cara yang telah sedia tersusun dan yang telah diwarisi oleh masyarakat itu. Biasanya istiadat ini dimulai dengan istiadat mencukur rambut, turun tangga atau memijak tanah, mengikut pilihan dan rancangan keluarga yang menjalankannya. Puisi berendoi dinyanyikan ketika bayi dibuai di dalam buaian yang berhias oleh bidan atau seseorang anggota keluarga dengan iringan lagu dari satu kumpulan penyanyi yang khusus untuk tujuan itu. Lagu-lagu itu terdapat dalam rentak dan cara persembahan yang beragam dari satu daerah dengan daerah yang lain tetapi seni katanya itu hampir sama antara daerah-daerah itu, ini menunjukkan adanya buku-buku atau sumber-sumber yang sama digunakan (Harun Mat Piah, 1981, ms. 406).

Manakala menurut Noor Baizura (2008, ms. 14), Endoi merupakan tradisi lisan yang berbentuk perbuatan yang disambut oleh masyarakat Melayu dalam majlis keraian seperti kenduri kahwin, mencukur rambut dan sebagai untuk memeriahkan suasana dan dapat disimpulkan endoi merupakan nyanyian yang dinyanyikan dalam upacara naik buai dalam kalangan masyarakat Melayu.





Mohd Taib Osman (1975, MS. 67) pula memberi pendapat tentang maksud Endoi dapat dilihat daripada contoh-contoh yang didapati dalam kegiatan-kegiatan masyarakat, endoi ialah nama temasya yang diadakan iaitu daripada perkataan “endul” bererti buaian iaitu istiadat membuai anak setelah bayi (ibu bayi) itu selesai dari tempoh berpantang.

Endoi dalam kajian ini menjurus kepada lirik Endoi yang diambil daripada dua buah negeri yang aktif menjalankan aktiviti endoi iaitu negeri Perak dan Kedah. Kumpulan yang aktif menjalankan aktiviti berendoi ini menggunakan lirik puisi ini dalam setiap majlis berendoi yang dijalankan. Puisi ini dimaklumkan oleh pemilik kumpulan berendoi ini merupakan hak milik keturunan nenek moyang mereka yang tidak diketahui siapa penulisnya. Sebahagiannya telah ditambah baik dengan memasukkan lirik-lirik yang bersesuaian dengan keadaan semasa.



1.8.3 Keindahan

Pelbagai takrif tentang keindahan yang mencerminkan tanggapan yang berbeza-beza tentang keindahan. Kajian ini memfokuskan keindahan menurut Ibnu Khaldun. Ibnu Khaldun mentakrifkan keindahan sebagai keindahan yang baik, kebenaran dan di dalamnya terkandung nilai-nilai estetika, etika dan logika. Estetika mengandungi unsur-unsur kecantikan baik dari sudut susunannya, menarik komposisinya serta indah apabila sesuatu hasil karya itu dihasilkan iaitu ia dilihat dari sudut bahasa, makna dan teknik. Seterusnya etika merujuk kepada elemen-elemen akhlak dan moral yang membina manusia manakala logika pula merujuk kepada satu kebenaran yang hakiki (Muhammad Abdullah Enan, 2012, ms.97). Keindahan sering dilihat sebagai sesuatu





yang yang menyeronokkan dan menyenangkan yang berdasarkan tanggapan pancaindera. Namun begitu keindahan sebenarnya bukan semata-mata dilihat dengan mata melalui pengalaman indera lahir, tetapi menjangkau juga tanggapan pancaindera yang hanya boleh dinikmati melalui jiwa dan akal yang menghayati keindahan yang hakiki (Norlaili Talib, 2000, ms. 17).

Pendapat Shafie Abu Bakar pula, dalam mengulas tentang konsep keindahan, beliau menyatakan bahawa keindahan itu dilihat sebagai suatu yang menyenangkan, menyeronokkan dan menghiburkan dan didasarkan tanggapan lahir yang berasaskan pada tanggapan inderawi dan tertakluk di bawah martabat nafsu yang rendah sifatnya, manakala yang melihatnya dari sudut hakikat yang filosofik dan metafizik adalah sebagai realiti yang mutlak (1990, ms. 91). Menurutny lagi pada tahap ini keindahan bukan dilihat melalui akal dan jiwa yang dapat menikmati keindahan hakiki. Seterusnya tanggapan ini akan membawa kepada keindahan Allah dan mengenali keindahan iu adalah realiti sifat Allah SWT yang hakiki.

Menurut Ibnu Khaldun, keindahan dalam Islam bersumberkan keindahan yang mutlak milik Allah SWT. Istilah-istilah yang menggantikan keindahan seperti kekayaan Allah SWT dan kebesaran Allah SWT merujuk kepada kemampuan Allah SWT untuk mencipta yang tidak terbatas dan tidak disyaratkan apa-apa (kecuali ilmu-Nya dan kebijaksanaan-Nya) yang serba lengkap dan sempurna. Bukti kemampuan berkenaan ialah keindahan hasil ciptaan-Nya. Oleh sebab itu keindahan dalam Islam ialah wujud sempurna yang dikurniakan Allah SWT kepada benda yang menjelma secara eksplisit berupa benda itu (Braginsky, 1994, ms. 20). Menurut Imam Ghazali definisi keindahan yang umum sebagai pernyataan kesempurnaan yang diwujudkan berupa sebuah benda dan sesuai dengan hakikatnya. Oleh itu, mana-mana keindahan menimbulkan cinta





dalam jiwa, penghayatan dan Allah SWT yang Maha Tinggi indah dan mencintai keindahan. Imam Ghazali dalam karangannya menjelaskan bahawa keindahan itu terbahagi kepada keindahan lahir yang bersifat inderawi yang dapat dialami bukan sahaja oleh anak-anak, bahkan binatang dan keindahan batin yang dapat ditanggapi oleh mata hati dan cahaya jiwa (Muhammad Abdul Jabbar Beg, 1981, ms. 8).

Ibnu Khaldun menjelaskan jikalau benda yang direnung seimbang dalam rupa dan bentuknya sesuai dengan bahan yang dipakai untuk membuatnya, supaya tuntutan bahannya sendiri terhadap harmoni dan kesepadanan yang sempurna tidak diabaikan, disinilah makna keindahan.

(Amir Syamsuddin, 1984:185)



Jelas di sini maksud yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun bahawa keindahan jika dilihat ianya seimbang dari pelbagai sudut, maka ianya layak ditakrifkan sebagai sebuah keindahan. Bagi melihat konsep keindahan dalam pemikiran orang Melayu, kajian khusus dilakukan ke atas khazanah sastera Melayu khasnya Sastera Melayu lisan. Dalam khazanah sastera inilah terpancar falsafah dan pemikiran orang Melayu, di samping mencerminkan keperibadian bangsa Melayu. Ketika menggambarkan sesuatu yang indah, sasterawan berusaha menampilkan keseluruhan sifat yang dapat ditanggapi oleh deria penglihatan, deria dengar, deria bau dan lain-lain. Kesan semua deria itu disatukan sehingga menjadi satu imej yang padu dan utuh dengan perasaan yang menyeluruh (Braginsky, 1994, ms. 29).

Dalam tradisi puisi Melayu pada zaman Islam, kebanyakan penyair berkarya bertitik tolak daripada alam. Karya mereka menggambarkan keindahan dan keajaiban





serta peristiwa yang berlaku disekitarnya. Kemudian para penyair itu akan menghubungkannya dengan kekuasaan Tuhan yang mencipta alam ini. Pancaindera zahir menimbulkan rasa terpicat dan penghayatan dalam jiwa orang yang merenung keindahan (Norlaili Talib, 2000, ms. 25). Orang Melayu bukan sahaja menghargai kewujudan sesuatu yang indah bahkan juga akan memanjangkan rasa takjubnya itu kepada keindahan Allah SWT dan ciptaan-Nya. Oleh sebab itu, tidak hairanlah pemikiran orang Melayu turut mencerminkan hubungan yang erat antara orang Melayu dengan dunia persekitarannya termasuklah dalam menghargai keindahan.

1.9 Kesimpulan

Perbincangan dalam ini bermula dengan menjelaskan tentang beberapa definisi khususnya definisi dakwah dan melihat dari aspek hubungan dakwah dalam puisi di dalam masyarakat. Aspek-aspek tersebut dapat dilihat mempunyai hubungan timbal balik yang mungkin tidak dapat dipisahkan. Pendidikan menjadi wadah penentu kepada pemilikan budaya dan kewujudan masyarakat. Manakala dakwah pula disampaikan atau disebarkan melalui pendidikan itu sendiri. Malah keindahan dalam kesenian (puisi) yang diutarakan juga merupakan aspek penting boleh disampaikan dalam pendidikan dakwah itu juga. Selain itu juga, puisi yang menjadi pilihan pengkaji ini juga dapat dilihat mempunyai hubungan yang kuat dalam adat budaya masyarakat Melayu kerana sarat dengan imej dakwah yang perlu ditekankan kepada masyarakat. Sekaligus, puisi ini juga dapat dilihat mampu dijadikan satu perkara kemestian yang dilakukan dalam masyarakat Melayu selagi ianya tidak bercanggah dengan Islam itu sendiri.





Sebenarnya, hampir keseluruhan hasil-hasil kesusasteraan Melayu kita kaya dengan nilai-nilai mendidik sama ada secara langsung atau tidak langsung. Oleh kerana itu, dalam tesis ini, pengkaji cuba memperkenalkan pendekatan dakwah dalam mengkaji lirik puisi endoi yang dipilih. Ini kerana hampir keseluruhan karya khususnya puisi Melayu mempunyai unsur pendidikan terutama pendidikan dakwah. Cuma cara dan pengolahannya sahaja yang dilihat berbeza. Mendidik secara tidak langsung sebenarnya akan meninggalkan kesan yang jauh lebih baik kepada masyarakat.

Islam adalah agama yang berdasarkan realiti kehidupan. Ia memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia keseluruhannya sama ada aspek rohani, jasmani, pemikiran ataupun perasaan. Islam menuntut agar unsur-unsur ini dilaksanakan secara keseluruhan dalam skop yang sederhana yang dibenarkan oleh agama iaitu tidak terlalu syadid dan melampau dan tidak pula alpa dan sempit.



Dalam proses untuk menyuburkan kefahaman dan penghayatan Islam ini, maka dakwah Islamiah perlu diperhebatkan dengan apa jua cara. Justeru itu, medium seni khususnya puisi berperanan sebagai salah satu saluran dakwah dalam membantu meningkatkan kefahaman Islam sekaligus dapat meninggikan tingkat tangga ketakwaan dan keilmuan masyarakat demi membentuk masyarakat Islam sebenar yang menjadikan Islam sebagai cara hidup.

